AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني

PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Abdullah bin 'Amr Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Dikatakan kepada pembaca al-Quran: Bacalah dan naiklah, bacalah sebagaimana kamu membacanya di dunia. Sesungguhnya tempat kamu (di Syurga) adalah pada ayat terakhir yang kamu bacakannya".
[Riwayat Abu Daud (1464)]

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.41 | SUBUH 4.51 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.12 | ASAR 3.22 | MAGHRIB 6.14 | ISYAK 7.23

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 117 | 28 SEPTEMBER 2022 / 1444 ربيع الأول 2 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# GURU SEBAGAI PELOPOR BUDAYA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, Kementerian Pendidikan adalah perlu fokus kepada menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat untuk semua pelajar, dari peringkat awal pendidikan hinggalah ke peringkat pengajian tinggi.

**>> Muka 2**

# Berangkat menghadiri upacara Pengebumian Negara bekas Perdana Menteri Jepun

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**

**TOKYO, JEPUN**, Selasa, 27 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri upacara Pengebumian Negara bekas Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe di Nippon Budokan, Tokyo, Jepun.

**>> Muka 8**

# Dikir Maulud mula bergema seluruh negara

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 September. - Menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memohon ganjaran teristimewa serta syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri individu Muslim.

**>> Muka 10**

# Trend Kes ILI tunjuk sedikit peningkatan

**Oleh : Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 September. - Pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan mengenai Trend Kes Influenza-Like Illness (ILI), di negara ini.

Yang Berhormat menjelaskan, terdapat sedikit peningkatan pada trend Kes ILI di negara ini sejak dua minggu lalu.

Justeru, orang ramai adalah diingatkan untuk terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan bagi jangkitan Respiratori, khususnya bagi sesiapa yang menunjukkan tanda-tanda jangkitan.

Langkah-langkah tersebut, menurut Yang Berhormat, termasuk mengasingkan diri dari orang lain di sepanjang tempoh mengalami simptom, memakai sungkup muka dan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pembasmi kuman.

**>> Muka 9**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# Berita Utama




BDMCA - TGA tandatangani MoU

Muka 12



ROMBONGAN KHEU hadiri SOM MABIMS Ke-46, Sabah

Muka 13



RENCANA

INTERAKSI antara ibu bapa, anak penting

Muka 20

## STATUS COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 27 SEPTEMBER 2022

| | |
|---|---|
| 78.4% | 3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum |
| 61.4% | 3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun |
| 85.1% | 2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun |
| 180 | Jumlah kes sembuh 24 jam lalu |
| 225,069 | Jumlah kes yang sembuh |

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# Guru sebagai pelopor budaya pembelajaran sepanjang hayat

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

>> Muka 1

Dalam titah sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, para guru pula perlu diberikan dorongan padu oleh pihak kementerian dengan memastikan *professional development* mereka terus diberikan perhatian.

"Kesejahteraan para guru mesti diambil berat. Beta berharap dengan tertubuhnya Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar, di Kementerian Pendidikan pada tahun 2021, isu kesihatan di kalangan tenaga pengajar akan diberikan perhatian sewajarnya dengan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan," titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah menyeru supaya para guru sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, khususnya dalam Bidang Teknologi Maklumat kerana para guru adalah dianggap sebagai pelopor budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Baginda dalam titah mengambil maklum, bahawa beberapa inisiatif telah dan akan terus dilaksanakan untuk memacu transformasi pendidikan di negara ini, di mana antara inisiatif tersebut ialah penaiktarafan infrastruktur rangkaian info-teknologi sekolah-sekolah, pembekalan alat peranti dan data Internet kepada semua para guru dan pelajar yang memerlukan.

Semua itu, titah baginda, adalah bertujuan untuk mendukung pembelajaran menggunakan teknologi, selaras dengan Pelan Transformasi Digital, Kementerian Pendidikan.

Di peringkat pendidikan teknikal dan pengajian tinggi titah baginda lagi, telah pun mendapat pengiktirafan sebagai dan *ranking* peringkat dunia, yang ditafsir sebagai hasil pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang berkualiti.

Baginda dalam titah, berharap usaha akan terus dibuat untuk melahirkan rakyat yang *future-proof.*

Sebagai *way forward*, titah baginda, sudah tiba masanya untuk Kementerian Pendidikan merangka dasar dan pelan strategik bagi tujuan mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru dan kepada para Penerima Anugerah Hari Guru pula, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Semoga penganugerahan ini akan menjadi pencetus semangat dan motivasi bagi seluruh warga guru," titah baginda lagi.

# BERSEDIA BINA SISTEM BERDAYA TAHAN TANGANI KRISIS

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 September. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama diharap akan terus menggembleng tenaga ke arah mengurangkan *learning loss* atau kehilangan pembelajaran, dengan melaksanakan program pemulihan yang bersesuaian.

Kedua-dua kementerian juga diharap akan dapat meneliti kesan dan impak *educational inequality* ataupun ketidaksamaan pendidikan serta kaitannya dengan *learning loss* dalam kalangan kanak-kanak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

"Beta yakin pengalaman semasa pandemik ini telah memaksa kita untuk melihat cara pengajaran norma baharu dan penggunaan teknologi. Secara tidak langsung, pengalaman ini juga membuka peluang inovasi dalam pendidikan, baik dari segi kurikulum, pedagogi pengajaran, teknologi pendidikan, penilaian, peperiksaan dan sekolah," titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, apabila sekolah kini telah dibuka sepenuhnya, maka kedapatan beberapa kaedah baharu sebagai berkesan untuk diteruskan.

Titah baginda lagi, perlu diingat, adalah tidak mustahil krisis seumpama pandemik akan terjadi lagi di masa akan datang.

Oleh itu, titah baginda, mustahak bagi kita untuk sentiasa bersedia dengan membina sistem yang lebih berdaya tahan, bagi menangani apa jua krisis yang melanda.

Terdahulu itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut bertitah, menyentuh mengenai Tema Hari Guru pada tahun ini, iaitu 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

Pada hemat baginda, tema tersebut sangatlah relevan, terutama sekali dengan keadaan global yang mengalami perubahan ketara, khusus akibat penularan COVID-19.

Dunia, titah baginda, telah mengharungi suasana amat mencabar dalam pengajaran dan pembelajaran yang belum pernah dialami sebelumnya dan semua ini memberikan impak signifikan kepada sistem pendidikan, termasuk kepada para guru, di seluruh dunia.

"Dalam hubungan ini, kita wajar bersyukur kerana pendidikan di negara ini masih dapat diteruskan, walaupun adanya kekangan dan rintangan. Semua ini mampu dilaksanakan dengan adanya para guru yang bersemangat kental. Beta sukacita mengucapkan terima kasih kepada mereka itu," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, Brunei Darussalam, turut mengambil maklum bahawa World Bank telah menganggarkan hampir 1.6 bilion kanak-kanak di seluruh dunia telah terkesan dengan penutupan sekolah, semasa beberapa gelombang pandemik melanda dunia selama lebih dua tahun yang lalu.

Pada gelombang pertama , titah baginda, purata kehilangan pembelajaran para pelajar adalah selama lebih setengah tahun, bagi tempoh penutupan sekolah selama lebih setengah tahun, bagi tempoh penutupan sekolah selama 15 minggu.

Titah baginda lagi, sekiranya tiada sebarang intervensi dilaksanakan, maka kehilangan pembelajaran sudah tentu boleh membawa kesan negatif jangka panjang terhadap produktiviti dan kesejahteraan para pelajar.

# WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28 | RABU | 2 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.31 | 12.12 | 3.22 | 6.14 | 7.23 |
| 29 | KHAMIS | 3 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.12 | 3.22 | 6.13 | 7.22 |
| 30 | JUMAAT | 4 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.13 | 7.22 |
| 1 OKTOBER | SABTU | 5 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.12 | 7.21 |
| 2 | AHAD | 6 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.12 | 7.21 |
| 3 | ISNIN | 7 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.11 | 7.20 |
| 4 | SELASA | 8 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.30 | 12.10 | 3.23 | 6.11 | 7.20 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

# RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C | 31 / 26 °C |
| Pekan Bangar | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C | 31 / 26 °C |
| Pekan Tutong | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C | 31 / 26 °C |
| Kuala Belait | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C | 31 / 26 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

# SIDANG PENGARANG 28 SEPTEMBER 2022

## Mencari keberkatan ilmu

**SETIAP** 23 September, Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Guru. Sambutan ini adalah mengenang jasa guru-guru yang tidak mengenal erti penat lelah dalam mengajar dan mendidik anak bangsa. Penghargaan yang diberikan adalah sebagai suntikan semangat kepada para pendidik dan para mantan pendidik untuk terus maju ke hadapan demi membangun bangsa dan Negara. Dalam pengajaran dan pembelajaran kita hendaklah sentiasa berlapang dada untuk mendapatkan keberkatan ilmu dan ilmu yang diperoleh sentiasa diamalkan. Sepertimana Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : *"Barang siapa yang mempelajari sesuatu ilmu untuk bermegah-megah dengan para ahli ilmu atau berbantah-bantah dengan orang-orang bodoh dan hendak memalingkan muka orang lain (supaya ia dipandang tinggi dan memberi pujian terhadapnya) maka Allah akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam".* Memiliki ilmu bukanlah untuk dibanggakan, tetapi menjadi keperluan untuk dikongsikan dan disebarkan sebaiknya.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah sebagai contoh yang terbaik dalam menimba ilmu. Baginda adalah seorang yang dipanggil *ummiy* (buta huruf). Dengan kesabaran dan ketabahan baginda, perkara ini telah difirmankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Alaq, ayat 1 hingga 5, antara lain makna terjemahannya, *"Bacalah (Wahai Nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku, bacalah, dan Tuhanmu Maha Pemurah, Yang mengajar (manusia menulis) dengan qalam (pena), Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya".* Alhamdulillah, sambutan pada tahun ini pastinya lebih istimewa kerana, pada 27 September 2022 bertepatan dengan 1 Rabiulawal. Mudahan dengan sambutan di bulan penuh keberkatan ilmu kita sama-sama mendapat keberkatan ilmu. Dan ilmu yang kita peroleh selama ini akan berkekalan.

Sesungguhnya kita diwajibkan menuntut ilmu kerana ganjaran dan kelebihannya adalah sangat besar, antaranya :

Pertama : Dipermudahkan jalan menuju ke syurga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : *Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan maka Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan untuk ke syurga".*

Kedua : Dalam syarah hadis empat puluh karangan Imam An-Nawawi, bahawa barang siapa beramal dengan apa yang diketahuinya, Allah akan mewarisi untuknya ilmu yang tidak diketahuinya.

Ketiga : Orang yang berilmu pengetahuan dipandang tinggi oleh masyarakat dan orang yang memiliki ilmu juga sangatlah beruntung kerana ilmu itu adalah jiwa dan harta yang tidak akan hilang dan habis.

Agama Islam amat menggalakkan dan menganjurkan umatnya supaya menerapkan ilmu agama kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi. Ibu bapa bertanggungjawab menjaga amanah Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan sebaik-baiknya dengan memberikan anak-anak mereka pendidikan yang sempurna dan seimbang iaitu duniawi dan ukhrawi bagi membentuk jati diri yang menetap serta Muslim yang sejati dan sebenar.

Imam As-Syafiee Rahimatullah Ta'ala mengenai perkara menuntut ilmu ini telah berkata dalam wasiatnya : Tuntutlah ilmu sebanyak mungkin kerana ia akan menjaga kamu dan membuat kamu cemerlang di dunia dan di akhirat. Ilmu yang sebenar-benarnya adalah ilmu yang mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita sama-sama mencari ilmu yang ada di bumi ini untuk bekalan kita di hari kemudian. Keseimbangan ilmu duniawi dan ukhrawi adalah menjadi titik tolak keberkatan hidup kita seharian. Sekian sidang pengarang buat keluaran kali ini. **- Ketua Penyuntingan (Fa).**

# BERANGKAT KE SAMBUTAN HARI GURU KE-32





**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda (kanan). Manakala gambar atas dan bawah kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berserta para hadirin menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Selasa, 27 September. - Sebagai usaha untuk memartabatkan kerjaya perguruan yang banyak menyumbang pada pembangunan kapasiti tenaga manusia di negara ini, Negara Brunei Darussalam meraikan Sambutan Hari Guru setiap 23 September bagi memperingati dan menghargai sumbangan jasa para pendidik di negara ini.

Namun pada tahun ini, Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022, diadakan pada hari ini, di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, yang dihadiri sekitar 6,500 pendidik dari seluruh negara.

Berangkat ke majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32, Tahun 2022, yang turut diiringi dengan lagu irama lagu 'Raja Lalu' yang dibawakan oleh Pasukan Gulintangan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, khusus buat ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan guru-guru yang telah kembali ke rahmatullah, diikuti dengan bacaan Doa Selamat, yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran dari Surah An-Nahl, dari ayat 1 hingga 12 oleh Nazir Khas, Unit Al-Quran, Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Mohammad Hendra bin Haji Meraji.

Beliau merupakan Johan Majlis Perujian Taranum Al-Quran Johor Darul Ta'zim Tahun 2012.

Sementara inti sari ayat pula dibacakan oleh Pensyarah dalam bidang terjemahan di Fakulti Bahasa Arab dan Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Muhammad Alif bin Haji Sismat.

Inti sari ayat, antara lain menjelaskan, bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menerangkan gambaran hidup manusia yang menjadi bukti dan saksi akan keesaan serta kekuasaan-Nya.

Ini secara langsung akan memberikan impak terhadap perubahan kehidupan ke arah kemajuan dan ketamadunan, yang semua itu perlu ditunjangi oleh sifat takwa serta iman kepada Allah agar kemajuan yang dihasratkan itu menepati panduan yang ditetapkan.

**>> Muka 4**








**YANG Berhormat Mufti Kerajaan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya membacakan Doa Selamat bagi memberkati majlis (kanan). Manakala gambar tengah, bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran dari Surah An-Nahl, dari ayat 1 hingga 12 oleh Nazir Khas, Unit Al-Quran, Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Mohammad Hendra bin Haji Meraji, Sementara inti sari ayat disampaikan oleh Pensyarah dalam bidang terjemahan di Fakulti Bahasa Arab dan Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Muhammad Alif bin Haji Sismat.**







**PERSEMBAHAN *medley* gabungan empat buah lagu, iaitu lagu tema Hari Guru ke-32 'Guruku Harapan Negara' dan tiga buah lagu nostalgia, iaitu 'Guru Bijaksana Penjana Generasi Berwawasan', 'Jasamu Guru!' dan 'Guru Kaulah Pelita' daripada pasukan persembahan terdiri daripada 27 pelajar Sekolah Menengah Rimba, Sekolah Ugama Anggerek Desa, Sekolah Rendah IQRA dan Sekolah Rendah Jigsaw yang berumur di antara 7 hingga 17 tahun (atas). Sementara gambar kanan, laungan Selawat Tafrijiyyah dikumandangkan.**

PELITA BRUNEI





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien; dan Anugerah Guru Berjasa kepada para penerima bagi Tahun 2020, Tahun 2021 dan Tahun 2022, pada Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022 (kiri dan kanan).**

**>> Muka 3**

Dalam hal ini, guru memainkan peranan selaku pembimbing manusia melalui ilmu pengetahuan yang diajarkan, di mana guru yang berkualiti insyaaAllah dapat berperanan selaku ejen penggerak dan pemacu transformasi yang dihasrat, khususnya dalam Bidang Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022 seterusnya menyampaikan sembah alu-aluan.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan Pengurniaan Titah Kebawah DYMM.

Selepas itu, acara disusuli dengan tayangan klip video Hari Guru yang mempamerkan aspek pedagogi dan evolusi teknologi dalam pendidikan formal serta ugama di Negara Brunei Darussalam melalui perspektif guru.

Atur cara kemudian diteruskan dengan persembahan *medley* gabungan empat buah lagu, iaitu lagu tema Hari Guru Ke-32 'Guruku Harapan Negara'; dan tiga buah lagu nostalgia, iaitu 'Guru Bijaksana Penjana Generasi Berwawasan'; 'Jasamu Guru!'; dan 'Guru Kaulah Pelita'.

Pasukan persembahan ini, terdiri daripada 27 pelajar gabungan Sekolah Menengah Rimba; Sekolah Ugama Anggerek Desa; Sekolah Rendah IQRA; dan Sekolah Rendah Jigsaw, berumur di antara 7 hingga 17 tahun.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan menyempurnakan Pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Guru kepada para penerima bagi Tahun 2020, Tahun 2021 dan Tahun 2022.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Beliau berkhidmat dengan kerajaan selama lebih 40 tahun dan memberi sumbangan yang signifikan serta berusaha mengembangmajukan pelbagai inisiatif, bagi meningkatkan tahap pendidikan di negara ini.

Beliau menerima anugerah Sijil Penghormatan, wang tunai sebanyak BND20,000, cenderamata dan kemudahan percuma, termasuk segala perbelanjaan wad kelas pertama, di hospital-hospital kerajaan dalam negara.

Sementara itu, seramai enam orang menerima Anugerah Guru Berjasa, terdiri daripada Datin Paduka Hajah Azizah binti Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah; Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid; Datin Paduka Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim; Awang Haji Md. Daud @ Mokti bin Taha; Dr. Haji Azaharaini bin Haji Mohd. Jamil; dan Datin Paduka Hajah Zasia binti Sirin.

Para penerima anugerah masing-masing membawa pulang Sijil Penghormatan, wang tunai sebanyak BND12,000, cenderamata dan kemudahan perubatan percuma, termasuk segala perbelanjaan wad kelas pertama, di hospital-hospital kerajaan dalam negara.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menyempurnakan pengurniaan kepada seramai 23 penerima Anugerah Guru Cemerlang; dan 79 penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention).

Bagi Anugerah Guru Cemerlang, para penerima memperoleh Sijil Penghormatan, wang tunai sebanyak BND4,000, cenderamata dan diberikan keutamaan / disokong untuk melanjutkan pelajaran, tertakluk kepada Syarat-syarat Latihan Dalam Perkhidmatan.

Manakala, para penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention) menerima Sijil Penghormatan, wang tunai sebanyak BND1,000 dan trofi.

Sejurus selesai, Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain dijunjung berangkat menyaksikan Pameran sempena Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022 di ruang legar pusat persidangan berkenaan.

Keberangkatan Kebawah DYMM ke pameran berkenaan diiringi dengan pelbagai irama gulintangan oleh Pasukan Gulintangan dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Pameran tersebut disertai oleh Jabatan Sekolah-Sekolah (Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol, Kluster 2); Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA); Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam (UBD); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); dan Akademi TVET, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Terdahulu, Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para penerima anugerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022.

Sebelum berangkat meninggalkan Pusat Persidangan Antarabangsa, Kebawah DYMM berkenan beramah mesra dan berswafoto bersama guru-guru, pelajar-pelajar, para siswa dari pelbagai peringkat pendidikan dan institusi serta para peserta persembahan.

Kemeriahan sambutan dapat dirasa dengan penglibatan dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang, khusus sebagai penghargaan, penghormatan dan mengenang jasa para guru yang telah mendidik, mengajar serta mengongsikan ilmu kepada pelbagai lapisan masyarakat di negara ini, dalam sama-sama merealisasikan salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, bukan sahaja di dunia, bahkan insyaaAllah di akhirat kelak.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Guru Cemerlang kepada salah seorang penerima bagi Tahun 2020, Tahun 2021 dan Tahun 2022, pada Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32.**





**ANTARA yang hadir memeriahkan suasana Sambutan Haru Guru berkenaan (atas dan kanan).**

# KE ARAH TRANSFORMASI PENDIDIKAN PASCA PANDEMIK



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; serta kerabat diraja yang lain berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun 2022, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Selasa, 27 September. - Kementerian Pendidikan merangka Strategi-strategi Tindak-Balas dan Pemulihan Pendidikan, dalam membantu serta memastikan para pelajar yang terkesan oleh pandemik COVID-19 kembali ke tahap pendidikan yang diharapkan.

Strategi berkenaan mengandungi beberapa program pemulihan, termasuk Program Pemulihan Pembelajaran, Program Sokongan Pembelajaran serta program-program bagi mendukung kesihatan mental juga kesejahteraan pelajar.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan perkara itu, dalam sembah alu-aluannya selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun 2022, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menyembahkan, bahawa Pemimpin Sekolah terus memainkan peranan yang amat penting dalam mendukung transformasi pendidikan.

"Di peringkat pendidikan teknikal dan pengajian tinggi pula, hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita menyembahkan, bahawa rangka kerja kompetensi sedang giat dibentuk bagi membangun dan mengurus sumber tenaga manusia di institusi teknikal dan pengajian tinggi, di bawah Kementerian Pendidikan bagi memantapkan lagi kualiti dan kompetensi mereka, dalam melahirkan pelajar cemerlang dan holistik, dari segi akademik serta sahsiah diri yang beridentitikan falsafah Melayu Islam Beraja," sembah Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya menekankan, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyempurnakan majlis tersebut adalah amat bermakna kepada para guru.

Menurut Yang Berhormat, keberangkatan baginda sudah setentunya menjadi pendorong kepada mereka untuk terus gigih melaksanakan amanah dalam melahirkan modal insan yang berguna kepada negara.

"Pada kesempatan ini juga, hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita menyembahkan ucapan Selamat Hari Guru kepada semua guru yang senantiasa berjuang mendidik anak bangsa dengan doa semoga semua usaha dan khidmat bakti *biskita* akan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala.

"Alhamdulillah, dengan bertemakan 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan' pada tahun ini, kita dapat meraikan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-32 dalam suasana dunia mengharungi impak dari penularan pandemik COVID-19," ujar Yang Berhormat.

Di sebalik cabaran ini, sembah Yang Berhormat, kita telah dapat melihat betapa para guru terus gigih mendidik para pelajar demi memastikan kelestarian pembangunan generasi di negara ini.

"Cabaran pandemik COVID-19 telah dijadikan peluang oleh para guru untuk lebih kreatif, dinamik dan *adaptable,* dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

"Pelbagai program dan kaedah telah dilaksanakan oleh para guru seperti Program E-Learning, kaedah pembelajaran teradun atau *blended learning* dan penyediaan program pembelajaran melalui penyiaran televisyen," kata Yang Berhormat dalam sembah alu-aluan.



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyampaikan sembah alu-aluan.**





**ANTARA penerima Anugerah Guru Cemerlang; dan penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention) serta para jemputan yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Guru berkenaan (kiri dan atas).**

PELITA BRUNEI

# KETENGAHKAN GURU BERKUALITI PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan pameran yang dibawakan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah (Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol, Kluster 2) pada Pameran Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022 (atas kiri dan atas).

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 September. - Pameran Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022 yang diadakan di Ruang Legar Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas kali ini mengetengahkan tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini, iaitu 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

Pameran memaparkan pelbagai inisiatif peningkatan, latihan dan pembangunan guru yang sedang giat dilaksanakan pada masa ini. Selain itu, ia juga mencerminkan pelbagai usaha atau inisiatif pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam keadaan Normal Baharu yang menunjukkan transformasi pendidikan sebelum, semasa dan selepas COVID-19 yang menggunakan teknologi secara intensif, dan memaparkan transformasi pendidikan yang inovatif.

Konsep pameran Sambutan Hari Guru pada tahun ini menjurus kepada dua bahagian, selaras dengan tema sambutan, iaitu ruang Centrepiece yang mengongsikan mengenai potret dan petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Para guru bukan sahaja untuk mengajar atau membimbing anak-anak bagi menghadapi peperiksaan, tetapi juga menunjuk cara bagaimana persediaan dibuat untuk menempuh era globalisasi dan teknologi yang serba pesat.

"Dalam makna, para guru juga diperlukan untuk memberikan pengajaran kompetensi Abad ke-21, daripada peringkat rendah sampai ke peringkat tinggi.

"Melalui pengajaran demikian, baharulah mungkin akan berkembang pelbagai pemikiran kreatif dan kepekaan budaya (*cultural sensitivity*) dalam kalangan pelajar," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-28 pada 24 September 2018.

Selain itu, potret serta petikan Syair Nasihat Muda Omar 'Ali Saifuddien hasil karya: Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien juga turut dipamerkan.

Syair berkenaan dipetik khas daripada Syair Nasihat Muda Omar 'Ali Saifuddien terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Edisi 1994, muka surat dua hingga tiga.

**>> Muka 7**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengar sembah penerangan mengenai Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) (atas), sementara gambar atas kanan dan bawah, baginda berkenan menyaksikan secara lebih dekat Bacaan Qiraat daripada salah seorang pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan baginda menadah tangan ketika Doa dibacakan oleh pelajar ITQSHHB. Manakala gambar bawah kanan, baginda bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai semasa melawat pameran Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.









KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; serta kerabat diraja yang lain berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien; Anugerah Guru Berjasa; Anugerah Guru Cemerlang; dan Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention) bagi Tahun 2020, Tahun 2021 dan Tahun 2022, pada Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022.

**>> Muka 6**

Sementara itu, bahagian kedua pula mempamerkan enam institusi yang terdiri dari Jabatan Sekolah-sekolah, iaitu Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol; Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy (BDLTA); Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam (UBD); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); dan Akademi TVET, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Pameran institusi Jabatan Sekolah-sekolah, Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol, Kluster 2 menonjolkan pameran mengenai perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah bersama murid secara Blended Learning; sementara BDLTA pula memaparkan bagaimana sesi latihan untuk pengajaran berdasarkan penguasaan (Teaching for Mastery) diadakan oleh fasilitator BDLTA dalam menyediakan jangkaan pedagogi yang jelas untuk arahan yang berkualiti di bilik darjah semasa pengajaran pembelajaran, Analogi The Wall, dan Siri Program Pembangunan Profesionalisme Guru.

Manakala, ITQSHHB memaparkan mengenai sukatan Hafazan Al-Quran Institut di peringkat menengah dan diploma dan seterusnya aplikasi Hafazan Al-Quran dalam sumbangan kepada masyarakat seperti sebagai imam Tarawih.

Juga dipaparkan ialah demo pengajian Qiraat oleh siswa Diploma Aliyah Qiraat, di samping menonjolkan penulisan Al-Quran secara hafazan oleh pelajar menengah institut dan Program Vaksin Ketuhanan: Program Tahfiz Berzikir.

Sementara, SHBIE UBD pula mempamerkan beberapa strategi pengajaran dan bahan inovatif yang dihasilkan oleh pelajar SHBIE UBD daripada program MTeach dan MEd.

Selain itu, strategi pengajaran inovatif berkenan telah dibangunkan semasa wabak / endemik COVID-19 di Negara Brunei Darussalam terutamanya dalam pengajaran pelajar melalui pendekatan dalam talian dan gabungan.

Pelbagai bidang mata pelajaran yang berbeza daripada sains, geografi, pengajian sosial hingga ke ilmu agama Islam akan disampaikan oleh murid-murid untuk Majlis Hari Guru 2022.

Manakala, KUPU SB mempamerkan mengenai pembentukan syakhsiah pelajar sebagai bakal guru yang menekankan aspek kerohanian dalam pembentukan sahsiah pelajar KUPU SB dengan berteraskan FAST (Fathonah, Amanah, Tabligh dan Siddiq) dan Melayu Islam Beraja (MIB).

Pelajar KUPU SB diajarkan tentang kaedah pengajaran teori Islam agar pelajar KUPU SB menjadi guru yang dinamik dan profesional dalam mengaplikasikan pengajaran diberikan sama ada secara hibrid, fizikal juga dalam talian.

Pameran seterusnya ialah dari Akademi TVET IBTE yang mempamerkan inisiatif Akademi TVET, sebuah akademi latihan yang menyediakan program latihan bagi perkembangan profesional untuk tenaga pengajar dalam pendidikan teknikal dan vokasional.

Ia ditubuhkan khusus bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan latihan bagi menghasilkan model insan yang berpendidikan serta berkemahiran tinggi dalam merancang dan menguruskan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam menangani pelbagai cabaran Abad ke-21.






KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa melihat lebih dekat pameran yang dibawakan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (atas), sementara gambar kanan, baginda dan paduka anakanda baginda berkenan mendengar sembah penerangan daripada wakil Akademi TVET, Institut Pendidikan Teknikal Brunei. Baginda berkenan beramah mesra bersama para peserta yang terlibat pada majlis tersebut dan berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai (bawah dan bawah kanan).





# SKUAD NEGARA TUNDUKKAN LAOS

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Selasa, 27 September. - Skuad Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) mempamerkan aksi cemerlang dalam siri perlawanan bola sepak persahabatan antarabangsa Tri-Nation apabila berjaya menundukkan Laos, 1 - 0 pada perlawanan terakhir yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, petang tadi.

Kemenangan skuad kendalian Ketua Jurulatih, Mario Raveira Campesino tersebut, sedikit sebanyak mengubat luka kekalahan semasa perlawanan persahabatan menentang Maldives tempoh hari.

Berangkat menyaksikan perlawanan persahabatan tersebut, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, di bawah Pasukan Bola Sepak Kebangsaan B16.



**ANTARA aksi Skuad Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berjaya menewaskan Skuad Laos, 1 - 0.**

Turut berangkat, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaluddin Al-Haj.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan namun Laos dilihat lebih menguasai permainan dengan beberapa kali percubaan dibuat untuk menjaringkan gol namun belum membuahkan hasil.

Gol tunggal pasukan NBD hadir pada minit ke-26 apabila Naziruddin Haji Ismail yang mengawal bola dengan tenang berjaya melepasi dua pemain Laos sekali gus membolosi pintu gawang Laos.

Kedua-dua pasukan terus cuba melakukan beberapa taktik serangan dan mengatur strategi bagi menambah jaringan, namun dua minit masa tambahan pada separuh masa pertama gagal dimanfaatkan menjadikan jaringan kekal 1 - 0.



**BERANGKAT menyaksikan perlawanan persahabatan tersebut, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, di bawah Pasukan Bola Sepak Kebangsaan B16.**

Laos cuba bangkit memburu gol penyamaan pada separuh masa kedua, namun beberapa percubaan mereka tidak berjaya disudahkan.

Skuad negara juga terus memberikan asakan kepada pasukan lawan dan mencari ruang menambah jaringan namun keadaan padang yang sedikit becak selepas hujan, menyukarkan sedikit rentak permainan.

Dalam pada itu, pujian juga harus diberikan kepada penjaga gawang pasukan negara, Muhammad Haimie Abdullah Nyaring yang memberikan aksi terbaik setelah beberapa kali menepis dan menggagalkan percubaan jaringan anak didik Michael Weiss itu.

Perlawanan persahabatan antarabangsa tersebut dihasratkan akan dapat membantu semua negara yang terlibat untuk meningkatkan kedudukan FIFA mereka, memandangkan NBD kini pada kedudukan 190, Maldives pada kedudukan 156 dan Laos pada kedudukan 183.

# Berangkat menghadiri upacara Pengebumian Negara bekas Perdana Menteri Jepun



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**

**>> Muka 1**

Selepas upacara Pengebumian Negara, Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Majlis 'Greeting Occasion' dengan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida; Chief Cabinet Secretary Jepun, Tuan Yang Terutama Hirokazu Matsuno; Menteri Luar Negeri Jepun, Tuan Yang Terutama Yoshimasa Hayashi; dan Madam Akie Abe, isteri kepada bekas Perdana Menteri Jepun Shinzo Abe. Majlis tersebut diadakan di Akasaka Palace.

Semasa majlis tersebut, Yang Teramat Mulia mengurniakan sabda ucapan takziah bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada TYT Perdana Menteri Fumio Kishida dan Madam Akie Abe di atas pemergian bekas Perdana Menteri Shinzo Abe pada 8 Julai 2022.



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri upacara Pengebumian Negara bekas Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe di Nippon Budokan, Tokyo, Jepun dan berkenan berangkat menghadiri Majlis 'Greeting Occasion' dengan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida (atas dan kiri).**

TYT Perdana Menteri Fumio Kishida seterusnya, menyatakan penghargaan Kerajaan Jepun di atas keberangkatan Yang Teramat Mulia ke upacara Pengebumian Negara berkenaan.

Negara Brunei Darussalam dan Jepun telah menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1984.

Sejak itu, kedua-dua buah negara menikmati hubungan kerjasama dua hala dan persahabatan yang sangat baik dan erat, serta terus bekerjasama rapat dalam pelbagai bidang berkepentingan bersama seperti perdagangan, tenaga, pendidikan dan kesalinghubungan.

Yang Teramat Mulia turut diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

# 180 kes sembuh disahkan

**Oleh : Nur Amalia Alisha Daud**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 September. - Sebanyak 180 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 225,069.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, tidak ada kes dilaporkan berada di dalam Kategori 4 iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi, begitu juga dalam Kategori 5, tidak ada kes dilaporkaniaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 27 September 2022, program vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi iaitu sebanyak 85.1 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.4 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.4 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.4 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

# 269 KES BAHARU DILAPORKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan maklumat terkini pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 September. - Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam tidak menunjukkan banyak perbezaan dengan minggu sebelumnya, di mana kadar purata harian kes, pada minggu lepas ialah 210 kes sehari, berbanding dengan 215 kes sehari, pada minggu sebelumnya.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan mengenai perkara itu, pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, sebanyak 37,733 Keputusan Ujian ART dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu, di mana 3.9 peratus daripadanya adalah Keputusan Ujian ART yang Positif.

"Pada hari ini, tidak ada kes di dalam Kategori 4 dan 5, iaitu kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan memerlukan bantuan oksigen," tambah Yang Berhormat.

Sehingga kelmarin, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan 78.4 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan dos ketiga vaksin; dan 10.4 peratus mendapatkan dos keempat.

Namun hari ini, sebanyak 269 kes baharu dilaporkan, iaitu 268 kes hasil Ujian ART dan satu kes adalah hasil daripada 81 Ujian Makmal RT-PCR, yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.




# Trend Kes ILI tunjuk sedikit peningkatan

Oleh : Khartini Hamir

>> Muka 1

"Perlu ditekankan, bahawa langkah-langkah pengawalan bagi jangkitan Respiratori ini adalah sama dengan langkah-langkah pengawalan bagi jangkitan COVID-19.

"Kerjasama orang ramai adalah juga terus diharapkan untuk memuatnaikkan Keputusan ART masing-masing, sama ada Positif atau Negatif ke aplikasi BruHealth," saran Yang Berhormat lagi.

Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada segala bencana serta wabak penyakit dan berada dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

# Cabaran 20 Bilion Langkah Bersama bermula 1 Oktober

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 September. - Berikutan dengan kejayaan Cabaran Satu Bilion Langkah Bersama (One Billion Steps Together Challenge), pada Ogos lalu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai cabaran seterusnya, di bawah Inisiatif Kempen BN on The Move, iaitu Cabaran 20 Bilion Langkah Bersama (Twenty Billion Steps Together Challenge), yang akan bermula Sabtu, 1 Oktober 2022.

Perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Sasaran cabaran kali ini, menurut Yang Berhormat ialah pencapaian 20 bilion langkah dalam tempoh tiga bulan, iaitu hingga penghujung tahun 2022 ini.

Dengan bermulanya cabaran baharu ini, orang ramai yang menyertai Inisiatif Kempen BN on the Move juga berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah melalui beberapa cabaran, yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan.

"Maklumat berkaitan dengan cabaran-cabaran tersebut akan dikongsikan di dalam aplikasi BruHealth, insyaaAllah pada malam ini dan orang ramai yang belum menyertai Inisiatif Kempen BN on The Move adalah dialu-alukan untuk mendaftar dan menyertai inisiatif tersebut melalui aplikasi BruHealth masing-masing," saran Yang Berhormat lagi.

Sehubungan itu juga, Kementerian Kesihatan turut mengalu-alukan penyertaan orang ramai dalam acara Brunei Run bersempena dengan Sambutan Hari Jantung Sedunia, yang akan diadakan pada Ahad, 2 Oktober 2022 ini nanti, semasa acara Bandarku Ceria, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Acara tersebut adalah juga untuk menyokong Inisiatif Kempen BN on The Move, khususnya Cabaran 20 Bilion Langkah Bersama.

"Marilah kita bersama-sama bergerak untuk mencapai 20 bilion langkah, pada penghujung tahun ini dan terus melakukan aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah bersama keluarga dan rakan-rakan supaya kita sentiasa dalam kesihatan yang baik dan optima.

"Teruslah bergerak untuk kesihatan, setiap langkah adalah penting. Every Step Counts!," ujar Yang Berhormat lagi sebelum mengakhiri Sidang Media.

# Vaksin Moderna Spikevax Bivalent Original / Omicron dijangka tiba hujung tahun

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 September. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Medicines Control Authority - BDMCA) meluluskan Emergency Use Authorisation (EUA) bagi penggunaan vaksin Moderna (Spikevax Bivalent Original / Omicron) bagi orang dewasa, di negara ini.

Perkara itu, diumumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Kelulusan itu, jelas Yang Berhormat, adalah berdasarkan dengan data klinikal bagi Vaksin Bivalent yang dihadapkan dan berpandukan kelulusan daripada pihak berkuasa kawalan ubat dari negara-negara, seperti United Kingdom; Australia; Kesatuan Eropah; Kanada; dan Singapura.

Menurut Yang Berhormat lagi, Moderna Spikevax Bivalent Original / Omicron ialah vaksin Bivalent Next-Generation yang juga mengandungi unsur-unsur yang menyasarkan varian Omicron, selain varian asal.

"Vaksin ini dijangka akan tiba ke negara ini, pada penghujung tahun nanti," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga ketika menjawab pertanyaan mengenai keberkesanan Bivalent, selain dapat menyasarkan varian asal, vaksin ini juga berkesan menyasarkan varian Omicron dan dalam mengawal penularan serta mencegah daripada menjadi lebih serius. Bivalent vaksin dilihat lebih berkesan dibanding dengan yang lain.

Walau demikian, terang Yang Berhormat lagi, vaksin yang ada sekarang masih relevan dan berkesan untuk mengawal penularan, namun Bilavent adalah lebih spesifik untuk varian yang ada, pada masa ini.

Walau bagaimanapun, orang ramai masih tetap disaran untuk mendapatkan sebarang vaksin tanpa terlalu menunggu tibanya vaksin baharu ini nanti jika didapati perkembangan trend jangkitan agak tinggi dan kadar kemasukan pesakit ke Kategori 4 atau 5 meningkat, saran Yang Berhormat lagi.

# DIKIR MAULUD MULA BERGEMA SELURUH NEGARA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama pada Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut dan antara yang hadir menyemarakkan majlis berkenaan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (atas dan bawah).



**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**>> Muka 1**

Bersempena Memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara akan terus bergema dengan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut, mulai malam ini.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut membuka tirainya malam tadi, di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, sekali gus menandakan bermulanya pembukaan Dikir Syarafil Anam, di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi Tahun 1444 Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Diikuti dengan Tazkirah mengenai Kelebihan Berselawat, disampaikan oleh Mahasiswa Sarjana Perguruan Ugama Kajian Ahli Sunnah Waljamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud.

Sementara Dikir Assalamualaika, dibawakan oleh Kumpulan Pegawai dan Pedikir Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Dikir Khairuman, dibawakan oleh Persatuan BASMIDA.

Manakala Dikir Al-Hamd Sidiq, dibawakan oleh Persatuan Perangkap, Kampung Burong Pingai Berakas.

Seterusnya Dikir Bishahrin, dibawakan oleh Pertubuhan Zaidana, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Tungku Katok, diikuti dengan Dikir Badat Si Japar, dibawakan oleh Gabungan Persatuan Kampung Belimbing dan Kampung Subok.

Kemudiannya Dikir Asyaraqal, dibawakan oleh Pedikir Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Manakala itu, Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop.

Sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Haji Emran bin Haji Mohd. Salleh dan diakhiri dengan membaca Selawat Tafrijiyah sebanyak tiga kali beramai-ramai.

Majlis diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan antara acara hari-hari kebesaran Islam yang disambut oleh umat Islam di negara ini, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan Pegawai dan Kakitangan KHEU bersama jemaah masjid dan penduduk kampung.

**TAZKIRAH mengenai Kelebihan Berselawat, disampaikan oleh Mahasiswa Sarjana Perguruan Ugama Kajian Ahli Sunnah Waljamaah, KUPU SB, Awang Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud.**



# JPM adakan Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Mulia Pemangku Menteri di JPM serta antara yang hadir pada Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah, yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah (atas dan kiri).

**KIARONG**, Isnin, 26 September. - Seluruh masjid, balai ibadat dan surau bergema dengan laungan dikir menandakan bermulanya Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah, hari ini.

Sehubungan itu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam bersempena dengan sambutan tersebut yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai. Acara diteruskan dengan bacaan Dikir Assalamualaika serta Dikir Syarafil Anam dan diakhiri dengan Dikir Marhaban selepas sahaja menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi majlis pembukaan tersebut, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Pemangku Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan JPM.

Majlis merupakan salah satu aktiviti tahunan JPM bagi sama-sama menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam serta memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini.

# NBD SERTAI TOKYO GX WEEK

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Tenaga**

**TOKYO**, Selasa, 27 September. - Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) Kerajaan Jepun menganjurkan Tokyo GX (Green Transformation) Week, di mana para Menteri-menteri, pemimpin industri dan organisasi antarabangsa ikut serta di dalam pelbagai mesyuarat, persidangan dan forum antarabangsa berkaitan tenaga dan alam sekitar ke arah merealisasikan neutraliti karbon global dengan pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan, melalui 'transformasi hijau', yang diadakan bermula 26 September 2022, di Tokyo, Jepun secara hibrid.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof mewakili Negara Brunei Darussalam semasa Tokyo GX Week, dalam empat mesyuarat dan persidangan, iaitu Mesyuarat Peringkat Menteri bagi Tenaga Hidrogen Kali Kelima (Fifth Hydrogen Energy Ministerial Meeting - 5th HEM); Mesyuarat Peringkat Menteri bagi Perkongsian Pertumbuhan Hijau di Rantau Asia kali Kedua (Second Asia Green Growth Partnership Ministerial Meeting - 2nd AGGPM); Persidangan Pengeluar-Pengguna Gas Cecair Asli Yang Kali Kesebelas (Eleventh LNG Producer-Consumer Conference - 11th LNGPCC); dan Forum Rangkaian CCUS Asia Kali Kedua (Second Asia CCUS Network Forum - 2nd ACN Forum).

Mesyuarat 5th HEM bersidang kelmarin dan diadakan secara fizikal buat kali pertama sejak tahun 2019.

Antara lain, perkara-perkara yang dibincangkan adalah perubahan pesat dalam persekitaran tenaga; kemajuan-kemajuan ke arah membina masyarakat berkuasa hidrogen secara global; dan usaha-usaha inovatif ke arah penggunaan hidrogen di negara-negara, di seluruh dunia.

Yang Berhormat Menteri di JPM dalam ucapannya menggariskan, bahawa Negara Brunei Darussalam akan terus bekerjasama bersama institusi serantau dan antarabangsa, dalam mempromosikan tenaga hidrogen. Negara Brunei Darussalam memainkan peranan dalam penerokaan potensi hidrogen dengan kerjasama Jepun untuk melaksanakan projek Demonstrasi Rantaian Bekalan Hidrogen Global di antara 2019 dan 2022 dan menunjukkan, bahawa pengangkutan hidrogen melalui perkapalan laut adalah teknologi yang boleh dilaksanakan, walau bagaimanapun kos dan skala ekonomi, kekal sebagai cabaran utama.

Mesyuarat 2nd AGGPM juga bersidang secara fizikal pada hari yang sama, di mana para menteri membincangkan kepentingan mempercepatkan peralihan tenaga yang pelbagai dan pragmatik di Asia, dengan mengambil kira keadaan yang berbeza bagi setiap negara dan menggunakan semua sumber tenaga dan teknologi yang berkenaan.

Turut ditekankan ialah kepentingan peralihan tenaga yang seimbang ke arah mencapai neutraliti karbon, sambil memastikan keselamatan tenaga di rantau Asia dan peringkat global.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri di JPM menyebut hasrat Negara Brunei Darussalam untuk menuju ke arah sifar bersih menjelang tahun 2050 disokong oleh inisiatif-inisiatif khusus peralihan tenaga sebagai sebahagian daripada Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dalam mempelbagaikan campuran tenaga.

Ini, termasuk lebih banyak tenaga boleh diperbaharui untuk membentuk Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara rendah karbon. Negara Brunei Darussalam juga memperkenalkan beberapa inisiatif semasa Mempengerusikan Mesyuarat Menteri Tenaga ASEAN Ke-39.

Ini, termasuk pengesahan Deklarasi Bersama Bandar Seri Begawan mengenai Keselamatan Tenaga dan Peralihan Tenaga, yang termasuk mempergiatkan dasar dan perancangan jangka panjang bagi tenaga serta iklim, meningkatkan kecekapan dan pemeliharaan tenaga, mengembangkan sumber tenaga boleh diperbaharui serta menggunakan teknologi berdaya maju, bersih dan rendah karbon.

Di samping mesyuarat-mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM juga berpeluang mengadakan perjumpaan dua hala bersama Menteri Negara Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Kerajaan Jepun, Yang Berhormat Nakatani Shinich di Ibu Pejabat Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri di Tokyo.

Semasa perjumpaan tersebut, kedua-dua menteri bertukar-tukar pandangan dan menggariskan kepentingan kerjasama tenaga yang sudah lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun, dan untuk meneroka peluang-peluang, dalam usaha-usaha peralihan tenaga serta memperkukuhkan hubungan dua hala di antara kedua buah negara.

Setiausaha Tetap (Tenaga), JPM, Haji Azhar bin Haji Yahya juga turut menghadiri mesyuarat-mesyuarat berkenaan sebagai sebahagian daripada rombongan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan 11th LNGPCC akan diadakan secara dalam talian pada 29 September 2022, dengan tema 'Reorganizing LNG for World Energy Security'.

>> Muka 18



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa mengadakan perjumpaan dua hala bersama Menteri Negara Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Kerajaan Jepun, Yang Berhormat Nakatani Shinich.

# Ringankan Beban Mangsa Bencana

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan JAPEM kepada seorang wakil Ketua Keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah dan dua Ketua Keluarga yang terlibat dalam kejadian rumah roboh.

Majlis berlangsung di Bilik Kunjungan, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad kepada Ketua-ketua Keluarga berkenaan.

Sebuah rumah, milik Ramri bin Nona, di Kampung RPN Bukit Beruang, Daerah Tutong mengalami kebakaran, pada 6 September 2022, sekitar jam 7.48 malam. Kebakaran tersebut merosakkan sebahagian rumah mangsa, namun tiada sebarang kecederaan berlaku semasa kejadian.

Selain itu, sebanyak dua buah rumah di Kampung Bakut Berumput; dan Kampung Lurong Dalam, Daerah Brunei dan Muara dilanda bencana rumah roboh, yang masing-masing berlaku pada 15 September 2022; dan 20 September 2022.

Kejadian rumah roboh, milik Kartika binti Suhaimi ranap sepenuhnya; dan rumah milik Pengiran Norsiti Elvy Sunarti binti Pengiran Haji Terapin pula mengalami kerosakan sebahagian rumah. Tiada sebarang kecederaan berlaku semasa kejadian.

Kesemua mangsa bencana menerima bantuan kewangan bagi membantu meringankan kesusahan yang dialami untuk meneruskan kehidupan seharian.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat serta penduduk yang mengalami musibah.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyerahkan Bantuan Kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada salah seorang wakil Ketua Keluarga.

# Pembukaan Dikir Maulud zahirkan rasa syukur



SETIAUSAHA Tetap (Pembangunan, Pemeliharaan dan Teknologi) Kementerian Pertahanan antara yang menyertai Majlis Malam Pembukaan Dikir Maulud 1444 Hijrah, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 September. - Bagi memperingati kelahiran dan menzahirkan rasa syukur serta kasih ke atas junjungan besar Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta memohon barakah daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Malam Pembukaan Dikir Maulud 1444 Hijrah secara serentak, di semua surau garison, pangkalan dan perkhemahan ABDB, termasuk Masjid Pulau Baru-Baru, dengan tumpuan utama di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison.

Hadir di majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pembangunan, Pemeliharaan dan Teknologi) Kementerian Pertahanan, Kolonel (B) Haji Mohammad Norfahssin bin Haji Abdul Karim.

Turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersama; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai-pegawai serta Kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah, diikuti dengan Tazkirah, Dikir Syarifil Anam, Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan diakhiri dengan Dikir Marhaban.

Seperti lazimnya, Dikir Maulud tersebut akan dilaksanakan selama 12 malam berturut-turut, di seluruh surau di perkhemahan ABDB.

# BDMCA - TGA TANDATANGANI MOU




**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan antara yang hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Brunei Darussalam Medicines Control Authority (BDMCA), Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam bersama Therapeutic Goods Administration (TGA), The Department of Health and Aged Care, Australia, yang berlangsung secara maya.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 September. - Kerjasama dalam Bidang Kesihatan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Australia telah lama dijalin dengan eratnya.

Ke arah memperkukuhkan lagi kerjasama di antara kedua buah negara, khususnya dalam Bidang Kesihatan, Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Brunei Darussalam Medicines Control Authority (BDMCA), Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam bersama Therapeutic Goods Administration (TGA), The Department of Health and Aged Care, Australia diadakan hari ini, yang berlangsung secara maya.

Hadir menyaksikan penandatanganan tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Ang Swee Hui; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman serta beberapa Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan.

MoU menumpukan usaha kerjasama pada Produk Terapeutik, iaitu menggalakkan perkembangan aktiviti kerjasama yang berkaitan dengan peraturan Produk Terapeutik; memudah cara pertukaran maklumat mengenai rangka kerja peraturan Produk Terapeutik sebelum dan selepas pasaran, termasuk maklumat berkaitan dokumen panduan, dasar, amalan, piawaian, kaedah; dan sistem ujian untuk pemantauan, termasuk melaporkan sebarang isu keselamatan Produk Terapeutik, yang berpotensi boleh mendatangkan kesan buruk terhadap pengguna.

Di samping melindungi keselamatan pengguna Produk Terapeutik, persetujuan kerjasama juga meliputi usaha ke arah mempromosikan kesihatan penduduk, di negara masing-masing.

Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, semasa majlis tersebut menyuarakan kepentingan bagi kedua-dua negara untuk bekerjasama, dalam memastikan penambahbaikan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan Produk Terapeutik.

Pada masa yang sama, beliau juga berharap agar melalui MoU ini, kedua-dua negara akan dapat bekerjasama ke arah pertukaran maklumat dan kepakaran yang bermanfaat, khususnya dalam merangka peraturan ke arah pengawalan Produk Terapeutik.

Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan juga menekankan kerjasama, dalam pengawalan Produk Terapeutik melalui pertukaran maklumat dan kepakaran ini akan meningkatkan keupayaan kedua-dua negara, dalam memastikan kesihatan serta keselamatan penduduk, di rantau masing-masing adalah terjaga atau terpelihara.

Penandatanganan MoU ini adalah sebahagian daripada inisiatif Kementerian Kesihatan dalam mendukung kepelbagaian dan kualiti perkhidmatan perubatan bagi Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam, di samping pembangunan kapasiti bagi warga profesional kesihatan di antara BDMCA, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam dan TGA, The Department of Health and Aged Care, Australia.

Majlis dilengkapkan dengan Penandatanganan dan Pertukaran MoU daripada kedua pihak.

# MINDA PEMBACA

## Manfaatkan ilmu dalam memajukan masyarakat

**MENUNTUT** ilmu merupakan salah satu kewajipan bagi setiap individu. Dengan ilmu, seseorang mampu menemukan dan menciptakan berbagai macam keperluan yang bermanfaat untuk kehidupan seharian. Bahkan, ilmu juga dipercayai menjadi salah satu aspek penting bagi perkembangan di suatu negara.

Sejak akhir-akhir ini, masyarakat kita lebih gemar untuk berhibur berbanding menimba ilmu khususnya dalam kalangan orang muda. Kepesatan perkembangan teknologi dan sains telah banyak memberi kemudahan yang dinikmati oleh generasi pada hari ini tanpa mereka sedar akan kesukaran pada zaman dahulu. Keselesaan tersebut telah menyebabkan mereka berasa senang dan menjadikan hiburan lebih penting daripada mencari rezeki untuk hidup dengan lebih baik.

Tidak dinafikan kita menghadapi situasi ekonomi yang tidak menentu tetapi ia bukan satu alasan untuk meminggirkan ilmu pengetahuan. Oleh sebab yang demikian, betapa pentingnya untuk kita memanfaatkan ilmu demi kepentingan diri sendiri, masyarakat dan juga negara.

Secara amnya, pelbagai faedah yang dapat diperoleh jika kita sentiasa mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan. Tokoh Islam, Imam Syafie pernah berkata, "Ilmu itu bukan yang dihafal, tetapi yang memberi manfaat." Masyarakat konvensional perlu mengubah stigma terhadap pendidikan kerana boleh menyebabkan perkara yang sia-sia dan tidak menjamin kejayaan. Sebaliknya, setiap ilmu yang dipelajari mempunyai kelebihan dan kebaikan jika kita diberi peluang untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan.

Pihak berkenaan berperanan untuk memastikan setiap lapisan umur di Negara Brunei Darussalam diberikan hak untuk menimba ilmu pengetahuan. Pembangunan infrastruktur pendidikan hendaklah diberi keutamaan agar masyarakat terutamanya generasi muda berasa selesa dan seronok untuk mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan untuk diri, masyarakat dan juga negara. Semoga segala inisiatif untuk menggalakkan pembelajaran ilmu pengetahuan disokong dan diutamakan bagi melahirkan individu serta masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

**Nama: Muhammad Rahmat bin Roslan**
**No. K/P : 01-107XXX (K)**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Wujudkan Masyarakat Sihat Tanpa Dadah'.** Tarikh Tutup **: 28 September 2022**
2. **'Terapkan Sikap Jujur, Amanah Dalam Berniaga'.** Tarikh Tutup **: 5 Oktober 2022**
3. **'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.** Tarikh Tutup **: 12 Oktober 2022**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# DIKIR SYARAFIL ANAM SEMARAKKAN MAULUD



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pada Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah, di sini.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan majlis tersebut selaku tetamu kehormat, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali berserta Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman selaku Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI).

Juga hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin; Superintendent Mohamad Amirruddin bin Haji Tunjang selaku Pengerusi Badan Ugama Islam (BUI) PPDB; Pengarah-pengarah Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan; para Pegawai dan Anggota Pangkat Rendah PPDB; berserta para Ahli PEKERTI.

Majlis didahului dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah, seterusnya diikuti dengan bacaan Dikir beramai-ramai dan diakhiri dengan Dikir Marhaban.

Majlis Dikir Maulud ini merupakan aktiviti keagamaan yang dikendalikan setiap tahun oleh BUI PPDB bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Memperingati Hari Kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.





ANTARA yang hadir pada Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444H, yang diadakan oleh PPDB (kiri dan atas).

# Rombongan KHEU hadiri SOM MABIMS ke-46, Sabah



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengetuai perwakilan negara ke Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) MABIMS Kali Ke-46, yang diadakan di The Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BERAKAS**, Isnin, 26 September. - Perwakilan Negara Brunei Darussalam, terdiri daripada Pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berlepas meninggalkan negara bagi menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) MABIMS Kali Ke-46, yang diadakan hari ini hingga 30 September 2022, di The Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Perwakilan negara diketuai oleh Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim selaku Ketua SOM MABIMS, Negara Brunei Darussalam.

Turut menyertai rombongan, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim selaku Ketua Sekretariat MABIMS Brunei; Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri; Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Pengiran Muhammad Azrin bin Pengiran Jarail selaku Pegawai Sekretariat MABIMS Brunei; dan Pegawai Penyelidik, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Muhammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa.

SOM MABIMS Kali Ke-46 membawa tema 'Keluarga MABIMS Tunjang Kesejahteraan Ummah'.

Di dalam mesyuarat tersebut, Negara Brunei Darussalam akan membentangkan Kertas Tema dan Laporan-laporan Bidang Kerjasama Strategik, di bawah Rancangan Strategik MABIMS 2021-2025, di samping bertukar-tukar pandangan, bagi mempertingkatkan lagi perancangan dan penyelenggaraan fokus strategik, di peringkat MABIMS.

Mesyuarat ini juga merupakan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam MABIMS selaku negara anggota MABIMS.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan Pegawai-pegawai Kanan KHEU.

# Laungan selawat, dikir bermula hari ini



MASJID Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong antara yang menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1444 Hijrah.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ihsan Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong**

**TUTONG**, Isnin, 26 September. - Sempena menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1444 Hijrah, masjid, surau dan balai ibadat di negara ini bergema dengan laungan dikir yang diadakan selama 12 hari berturut-turut bermula hari ini.

Pelita Brunei membuat tinjauan ke salah sebuah masjid di Daerah Tutong, iaitu Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Sebelum Majlis Dikir Maulud bermula, jemaah terlebih dahulu menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Antara yang menyertai acara keagamaan itu ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan dan penduduk setempat.

Majlis tersebut merupakan salah satu syiar dan acara hari-hari kebesaran Islam yang diraikan oleh umat Islam di negara ini dalam menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

PEMOHON-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut ;

**Jawatan :**
**Pembantu Perpustakaan Tingkat I**

**Tangga Gaji :**
**D.3 EB.4-5**
**(BND900.00 - BND1,625.00)**

**Kekosongan :**
**1 Orang**

**Syarat-Syarat Kelayakan :**

a. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

b. i) BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Perpustakaan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pembantu Perpustakaan Tingkat II dalam tangga gaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun dan ditetapkan dalam jawatan.

c. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah kelebihan.

**Tugas Dan Tanggungjawab :**

a. Bertugas di kaunter-kaunter Perkhidmatan secara berjadual bagi mengendalikan perkhidmatan pengguna seperti peminjaman, pemulangan dan pembaharuan bahan serta kemudahan Perpustakaan;

b. Melakukan tugas menyusun bahan Perpustakaan dan *shelf reading* secara rutin;

c. Membantu menjaga dan memelihara bahan serta kemudahan yang ada di Perpustakaan.

d. Menjalankan tugas yang diarahkan dari masa ke masa.

**Menghadapkan Borang Permohonan**

**Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan : ***https://bit.ly/PPT1UBD2022***

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang-borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **12 Oktober 2022.**

**Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan : ***https://bit.ly/PPT1UBD2022***

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **12 Oktober 2022.**

Pemohon - pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut :

**1. Satu (1) Laporan Sulit**
**2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang - kurangnya sangat baik)**
**3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan**

**Pejabat Sumber**
**Tenaga Manusia**
**Universiti Brunei Darussalam**
**Jalan Tungku Link,**
**Gadong**
**BE1410**
**Negara Brunei Darussalam**

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

**Tarikh Iklan :**
**29 September 2022**

---

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

PEMOHON-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut ;

**Jawatan :**
**Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I**

**Tangga Gaji :**
**C.3-4 EB.5**
**(BND1,990 - BND2,970 Sebulan)**

**Kekosongan :**
**1 Orang**

**Syarat-Syarat Kelayakan :**

a. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

b. i) **BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Sains Perpustakaan atau bidang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

ii) **Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat II dalam tangga gaji C.1 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.**

c. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah kelebihan.

**Tugas Dan Tanggungjawab :**

a. Menjalankan tugas-tugas ikhtisas Perpustakaan (Processional Library Work) seperti perolehan bahan, mengkatalogkan, menyediakan bibliografi / indeks, perkhidmatan rujukan, menyediakan laporan bahagian dan membuat analisa statistik, membuat promosi dan lain-lain;

b. Melakukan Membantu Ketua Bahagian :

- Melatih dan mengawasi kakitangan sokongan;
- Menyelaras perkhidmatan dan tugas-tugas asas bahagian

c. Menjadi tenaga pengajar bagi Kelas Literasi Maklumat.

d. Menjadi Subject Librarian / Faculty Liaison Librarian yang bertanggungjawab menyelaras keperluan fakulti dan penglibatan bersama pihak yang berkepentingan.

e. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian dan Ketua Pustakawan

**Menghadapkan Borang Permohonan**

**Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan : ***https://bit.ly/PPPT1UBD2022***

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang-borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **12 Oktober 2022.**

**Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan : ***https://bit.ly/PPPT1UBD2022***

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **12 Oktober 2022.**

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

**Pejabat Sumber**
**Tenaga Manusia**
**Universiti Brunei Darussalam**
**Jalan Tungku Link,**
**Gadong**
**BE1410**
**Negara Brunei Darussalam**

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

**Tarikh Iklan :**
**29 September 2022**

---

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

PEMOHON-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut ;

**Jawatan :**
**Pustakawan**

**Tangga Gaji :**
**UB.1 EB.2**
**(BND2,450 - BND4,240)**

**Kekosongan :**
**1 Orang**

**Syarat-Syarat Kelayakan :**

a) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

b) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perpustakaan atau bidang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah kelebihan.

c) Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

d) Pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan mestilah mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah kelebihan.

**Tugas Dan Tanggungjawab :**

a) Mengetuai salah satu bahagian di dalam Perpustakaan.

b) Bertanggungjawab membantu merancang, mengurus, menggubal, mengawal, menentukan dasar dan hala tuju organisasi serta rangkaian perkhidmatan yang disediakan bagi mendukung matlamat dan Pelan Strategik Perpustakaan.

c) Melaksana secara profesional pembangunan bahan sumber, pendokumentasian serta pengurusan maklumat, penyediaan perkhidmatan dan kemudahan asas Perpustakaan, pengurusan ilmu, dan lain-lain.

d) Menyelia dan melatih kakitangan bahagian, termasuk mengawasi disiplin serta prestasi kerja kakitangan bawahan.

e) Terlibat secara langsung dalam penyelidikan mengenai Perpustakaan di dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap kualiti perkhidmatan dan seterusnya menghasilkan penulisan.

**Menghadapkan Borang Permohonan**

**Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan: ***https://bit.ly/PustakawanUBD2022***

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang-borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **12 Oktober 2022.**

**Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan: ***https://bit.ly/PustakawanUBD2022***

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **12 Oktober 2022.**

Pemohon - pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

**Pejabat Sumber Tenaga Manusia**
**Universiti Brunei Darussalam**
**Jalan Tungku Link,**
**Gadong**
**BE1410**
**Negara Brunei Darussalam**

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

**Tarikh Iklan :**
**29 September 2022**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

MAKLUMAN
IKLAN LANJUTAN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 131 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN SIGNATURE
PROGRAMME KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN
KEWANGAN 2022 / 2023 BAGI :

MANAGING STRATEGY (JEP)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 132 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN SIGNATURE
PROGRAMME KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN
KEWANGAN 2022 / 2023 BAGI :

POWER OF NEGOTIATION
(JEP)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 133 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN SIGNATURE
PROGRAMME KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN
KEWANGAN 2022/2023 BAGI :

ENHANCING SELF
LEADERSHIP (JEP)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 134 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN SIGNATURE
PROGRAMME KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN
KEWANGAN 2022/2023 BAGI :

MANAGING YOURSELF AND
LEADING OTHERS (MEP)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 135 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN SIGNATURE
PROGRAMME KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN
KEWANGAN 2022/2023
BAGI :

STRATEGIC LEADERSHIP WITH
SENIOR MANAGER (MEP)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 136 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN SIGNATURE
PROGRAMME KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN
KEWANGAN 2022/2023
BAGI :

PERFORMANCE
MANAGEMENT (MEP)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 137 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN SIGNATURE
PROGRAMME KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN
KEWANGAN 2022/2023
BAGI :

PRODUCTIVITY IMPROVEMENT
(SEP)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 138 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN SIGNATURE
PROGRAMME KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN
KEWANGAN 2022/2023 BAGI :

MENTORING AND COACHING
ESSENTIALS (SEP)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 139 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN
SIGNATURE PROGRAMME
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
TAHUN KEWANGAN
2022/2023
BAGI :

LEADERSHIP AND
CHANGE MANAGEMENT
(AEP)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 140 / 2022 / 2023
[HRD-SEPT-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA
PENGENDALIAN SIGNATURE
PROGRAMME KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TAHUN
KEWANGAN 2022/2023
BAGI :

LEADING MENTORING AND
COACHING IN ORGANISATION
(AEP)

Bayaran Yuran / Dokumen /
Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Dokumen
Sebut harga tidak
dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu
Dilanjutkan Sehingga :
Sabtu,
1 Oktober 2022
[Tidak lewat jam 9.00 pagi]

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
(01)KHEU.PDI 300-001/07

Tajuk Sebut Harga :
Tawaran Membekal Jamuan
Makan & Minum Secara Kontrak
Bagi Skim Lanjutan I, Skim
Lanjutan II Dan Skim Bimbingan
Asas Mualaf Pusat Da'wah
Islamiah bermula 1 Januari 2023
Hingga 31 Disember 2023
(Selama 1 Tahun) Bagi
Daerah Brunei Muara

Bilangan Sebut Harga :
(02)KHEU.PDI 300-001/07

Tajuk Sebut Harga :
Tawaran Membekal Jamuan
Makan & Minum Secara Kontrak
Bagi Skim Lanjutan I, Skim
Lanjutan II Dan Skim Bimbingan
Asas Mualaf Pusat Da'wah
Islamiah bermula 1 Januari 2023
Hingga 31 Disember 2023
(Selama 1 Tahun) Bagi
Daerah Tutong

Bilangan Sebut Harga :
(03)KHEU.PDI 300-001/07

Tajuk Sebut Harga :
Tawaran Membekal Jamuan
Makan & Minum Secara Kontrak
Bagi Skim Lanjutan I, Skim
Lanjutan II Dan Skim Bimbingan
Asas Mualaf Pusat Da'wah
Islamiah bermula 1 Januari 2023
Hingga 31 Disember 2023
(Selama 1 Tahun) Bagi Daerah
Belait

Bilangan Sebut Harga :
(04)KHEU.PDI 300-001/07

Tajuk Sebut Harga :
Tawaran Membekal Jamuan
Makan & Minum Secara Kontrak
Bagi Skim Lanjutan I, Skim
Lanjutan II Dan Skim Bimbingan
Asas Mualaf Pusat Da'wah
Islamiah bermula 1 Januari 2023
Hingga 31 Disember 2023
(Selama 1 Tahun) Bagi
Daerah Temburong

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
19 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 12 /
2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Ulang, Membekal
Dan Menghantar Buku-Buku
Teks Persekolahan Ugama
Rendah Bawah, Bagi Sesi
Pembelajaran Tahun 2023,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1443H-1444H /
2022M-2023M

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 13 /
2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Ulang, Membekal
Dan Menghantar Buku-Buku
Teks Persekolahan Ugama
Rendah Atas, Bagi Sesi
Pembelajaran Tahun 2023,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1443H-1444H /
2022M-2023M

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 14 /
2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Ulang, Membekal
Dan Menghantar Buku-Buku
Teks Asas Pengetahuan
Ugama Islam Dan Pengetahuan
Ugama Islam (IRK),
Bagi Sesi Pembelajaran
Tahun 2023,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1443H-1444H /
2022M-2023M

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 23 Rabiulawal 1444H /
19 Oktober 2022M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM

Kelas :
III / IV

Kategori :
KA01 & E01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRC 10 / 2022

Nama Projek :
PEMBINAAN JEJAMBAT
DI PERSIMPANGAN
JALAN UTAMA MENTIRI
DAN JALAN
PENGHUBUNG TANAH JAMBU
- PEMASANGAN LAMPU
ISYARAT
DI PERSIMPANGAN EMPAT
JALAN MUARA /
JALAN PENGHUBUNG
TANAH JAMBU
DAN DI PERSIMPANGAN
JALAN PENGHUBUNG
TANAH JAMBU / JALAN 'D'

Yuran Tawaran :
BND100.00

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 11 Oktober 2022
Tidak lewat dari
jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup :
Selasa, 18 Oktober 2022,
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran :
DCA / AFS / 2022-2023 / SH-30

'PEMBEKALAN FIRE FIGHTING GEAR UNTUK PERKHIDMATAN BOMBA LAPANGAN TERBANG, JABATAN PENERBANGAN AWAM'

Tarikh Tutup :
Rabu,
12 Oktober 2022

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 139 / 2022

Tajuk Tawaran :
Term Contract 12 Months For Rubbish Collection To Tanah Perkuburan Islam Selected Area Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
12 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
II & III

Kategori :
B01, E01 KOD BAHARU

Bilangan :
JKR / DTS / 22 / CQS / 2022 - T / II

Nama Projek :
REBRANDING PERPUSTAKAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DAERAH TEMBURONG

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 11 Oktober 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM

Kelas :
II & III

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM017 / 2022

Nama Projek :
KERJA-KERJA MEROBOH BEKAS BANGUNAN OFIS LAMA / WORKSHOP (JKR 164, 165, 166 & 168) JALAN TASEK LAMA, BAHAGIAN MEKANIKAL, JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Projek :
2022DBSBM / JKR.03

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
11 Oktober 2022

Tarikh Tutup :
Selasa, 25 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM

Kelas : II / III

Kategori : KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 08 / 2022

Nama Projek :
KERJA-KERJA PEMBINAAN KAWASAN LETAK KERETA DI MASJID AR-RAHMAN, KAMPUNG TANJUNG BUNUT

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas : II / III

Kategori :KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 09 / 2022

Nama Projek :
MENAIKTARAF PERSIMPANGAN JALAN (PEMASANGAN SISTEM LAMPU ISYARAT)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Oktober 2022,
Jam 3.00 Petang

---

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 008 / 2022 – [G]

Tajuk Tawaran :
The Supply, Deliver, Install and Commissioning Of One (1) Unit Benchtop X-Ray Diffractometer (Xrd) For Faculty Of Integrated Technologies, Universiti Brunei Darussalam

Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen)
BND35.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat jam 2.00 Petang pada Selasa, 11 Oktober 2022

---

**JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPM / MPEC / JCB / LTK / SECURITY / 2022

Tajuk Tawaran :
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN SELAMA 24 BULAN BAGI BANGUNAN JOB CENTRE BRUNEI (JCB) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
18 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTIRI**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

Rujukan Tawaran :
JPA / 1.4 / 54 / UPK / EST / PS

Tajuk Tawaran :
'PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN PERALATAN PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI KANAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM'

Bayaran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Bilangan Tawaran :
MINDEF / DFA / RC / 275 (1)

Tajuk Tawaran :
VEHICLE LEASING FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES AND MINISTRY OF DEFENCE - FIVE (5) YEARS CONTRACT

Bayaran Tawaran :
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah 2 minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 15 November 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
13 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

# Penerima Wasiat Meninggal Dunia : Adakah Wasiat Batal?

**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**ALLAH** *Subhanahu wa Ta'ala* mensyari'atkan wasiat kepada manusia mempunyai pelbagai tujuan. Antaranya ialah sebagai satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, mendapatkan ganjaran pahala Akhirat, menyumbang kepada perkara-perkara berkebajikan dan membantu mereka yang memerlukan.

Wasiat ialah sumbangan suatu hak berupa harta atau selainnya selepas kematian pemberi wasiat. Pada permulaan Islam, hukum wasiat adalah wajib iaitu wajib mewasiatkan semua harta kepada ibu bapa dan kaum kerabat sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

**Tafsirnya :** *Diwajibkan ke atas kamu, apabila seseorang di antara kamu hampir mati, sekiranya ada meninggalkan harta, berwasiat untuk kedua ibu bapa dan kaum kerabatnya dengan cara yang baik, sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa.*

(Surah al-Baqarah : 180)

Akan tetapi hukum wajib mewasiatkan harta tersebut dimansuhkan dengan turunnya ayat-ayat al-Qur'an mengenai perwarisan.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, hukum mewasiatkan harta adalah sunat *mu'akkadah* (sangat dituntut) dan kadar yang sunat untuk diwasiatkan ialah tidak melebihi satu pertiga daripada harta dan wasiat itu untuk selain ahli waris.

Antara rukun wasiat ialah pewasiat (المُوصِي) dan penerima wasiat (المُوصَى لَهُ). Pewasiat ialah orang yang membuat penawaran wasiat semasa hidupnya dengan tujuan menyumbang harta miliknya selepas kematiannya dan dengan tujuan mendapat ganjaran pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Manakala penerima wasiat ialah orang yang mendapat faedah daripada wasiat untuk dimanfaatkannya.

Wasiat hanya akan terlaksana selepas kematian pewasiat. Oleh itu, wasiat tidak akan dapat ditunaikan selagi pewasiat masih hidup. Penerimaan (قَبُوْل) dan penolakan wasiat daripada penerima wasiat hendaklah dilakukan selepas kematian kerana penawaran wasiat (إِيْجَاب) daripada pewasiat itu akan berkuatkuasa selepas kematiannya. Penerima wasiat tidak mempunyai hak ke atas wasiat itu apabila dia menerimanya sebelum kematian pewasiat. Jika penerimaan dan penolakan wasiat daripada penerima wasiat itu dilakukan semasa pewasiat masih hidup, maka tidak sah penerimaan dan penolakan tersebut kerana wasiat itu belum dikuatkuasakan.

Pemilikan harta wasiat adalah tertakluk kepada penerimaan atau penolakan penerima wasiat selepas kematian pewasiat. Jika penerima wasiat menerimanya, maka dia memiliki harta wasiat tersebut. Jika penerima wasiat menolak wasiat tersebut, maka dia tidak memiliki harta wasiat itu dan ia menjadi harta waris pewasiat.

Namun bagaimana pula jika penerima wasiat meninggal dunia sebelum kematian pewasiat dan bagaimana pula jika penerima wasiat meninggal dunia sebelum menyatakan penerimaan dan penolakan wasiat?

### Penerima Wasiat Meninggal Dunia Sebelum Kematian Pewasiat

Jika penerima wasiat meninggal dunia sebelum kematian pewasiat atau kedua-duanya meninggal dunia pada waktu yang sama, maka wasiat yang telah dibuat oleh pewasiat adalah batal kerana wasiat hanya berkuatkuasa selepas kematian pewasiat. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* menyebut dalam kitab beliau Tuhfah al-Muhtaj :

**Ertinya :** *Jika penerima wasiat meninggal dunia sebelumnya iaitu sebelum kematian pewasiat dan demikian juga jika penerima wasiat dan pewasiat meninggal dunia pada waktu yang sama, wasiat itu adalah batal kerana ketiadaan kuatkuasanya dan ketiadaan perpindahan hak milik untuk berkuatkuasa pada ketika ini.*

Menurut jumhur fuqaha dengan batalnya wasiat yang disebabkan oleh penerima wasiat meninggal dunia sebelum kematian pewasiat, maka ahli waris kepada penerima wasiat tidak mempunyai apa-apa hak untuk menyatakan penerimaan atau penolakan terhadap wasiat tersebut setelah pewasiat meninggal dunia.

### Penerima Wasiat Meninggal Dunia Sebelum Menyatakan Penerimaan atau Penolakan Wasiat

Jika penerima wasiat meninggal dunia selepas kematian pewasiat tetapi penerima wasiat itu belum menyatakan penerimaan atau penolakan terhadap wasiat tersebut, maka ahli waris penerima wasiat mengambil alih tempatnya dalam menyatakan penerimaan atau penolakan terhadap wasiat tersebut kerana hak harta berpindah dengan perwarisan. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* seterusnya menyebut :

**Ertinya :** *Atau (jika penerima wasiat meninggal dunia) selepasnya iaitu selepas kematian pewasiat dan sebelum penerimaan dan penolakan (wasiat dilakukan), (wasiat) tidak batal, maka ahli warisnya (waris penerima wasiat) yang menerima atau menolak (wasiat itu).*

Apabila ahli waris penerima wasiat mengambil alih tempatnya dalam menyatakan penerimaan atau penolakan wasiat tersebut maka dalam hal ini, sah atau batal wasiat itu tertakluk kepada tiga keadaaan berikut :

i - Jika wasiat tersebut diterima (tidak ditolak) oleh semua ahli waris penerima wasiat, maka wasiat itu sah. Sebagai contoh :

A telah meninggal dunia dan telah mewasiatkan 1/3 daripada hartanya kepada B. Kemudian B meninggal dunia sebelum menyatakan penerimaan atau penolakan wasiat A. Dalam keadaan ini, ahli waris B mengambil alih tempatnya dalam menyatakan penerimaan atau penolakan wasiat tersebut. Jika semua ahli waris B bersetuju menerima wasiat tersebut, maka wasiat itu adalah sah dan semua ahli waris B berhak menerima harta wasiat A itu.

ii - Jika wasiat tersebut ditolak oleh semua ahli waris penerima wasiat, maka wasiat itu batal. Sebagai contoh :

A telah meninggal dunia dan telah mewasiatkan 1/3 daripada hartanya kepada B. Kemudian B meninggal dunia sebelum menyatakan penerimaan atau penolakan wasiat A. Dalam keadaan ini, ahli waris B mengambil alih tempatnya dalam menyatakan penerimaan atau penolakan wasiat tersebut. Jika semua ahli waris B menolak wasiat tersebut, maka wasiat A itu batal dan semua ahli waris B tidak berhak menerima harta wasiat A itu.

iii - Jika sebahagian ahli waris bersetuju menerima wasiat tersebut dan sebahagian ahli waris menolak, maka wasiat itu menjadi hak ahli waris yang menerimanya dan

IRSYAD HUKUM
جابتن مفتي كراجاءن
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

menjadi batal pada bahagian ahli waris yang menolaknya. Sebagai contoh :

A telah meninggal dunia dan telah mewasiatkan 1/3 daripada hartanya kepada B. Kemudian B meninggal dunia sebelum menyatakan penerimaan atau penolakan wasiat A. Dalam keadaan ini, ahli waris B mengambil alih tempatnya dalam menyatakan penerimaan atau penolakan wasiat tersebut. Jika seorang daripada ahli waris B iaitu C bersetuju menerima wasiat tersebut, maka wasiat pada bahagian C adalah sah dan C berhak menerima wasiat A. Manakala jika seorang lagi daripada ahli waris B iaitu D menolak wasiat tersebut, maka wasiat pada bahagian D daripada harta wasiat A itu batal dan D tidak berhak menerima harta wasiat A.

Adapun jika penerima wasiat telah menyatakan penerimaan wasiat sebelum dia meninggal dunia, maka dia telah memiliki wasiat itu dan wasiat beralih kepada ahli warisnya apabila dia meninggal dunia. Manakala jika penerima wasiat menolak wasiat tersebut, maka wasiat itu adalah batal dengan penolakan itu dan tidak ada hak bagi ahli warisnya untuk menyatakan penerimaan selepas kematian penerima wasiat.

Demikian penjelasan hukum mengenai kedudukan penerima wasiat yang meninggal dunia sebelum kematian pewasiat dan penerima wasiat yang meninggal dunia sebelum menyatakan penerimaan dan penolakan wasiat.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلوألن ڤوسة دعوه اسلاميه

# Seindah akhlak Rasulullah

**KEINDAHAN** peribadi dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dijelaskan dalam Al-Quran sebagai uswah hasanah atau suri teladan yang sepatutnya diikut oleh umat Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ahzab, ayat 21, mafhumnya : *"Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah".*

Ayat ini merupakan dalil utama yang menganjurkan kita agar meneladani Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam semua aspek kehidupan sama ada dari segi perbuatan, percakapan, sikap yang merangkumi adab, akhlak dan sebagainya. Jelasnya, dalil tersebut dapat dijadikan pedoman dan petunjuk bagi umat Islam agar sentiasa memuhasabah diri dan menjaga perilaku dalam kehidupan seharian sebagai hamba-Nya yang taat dan mengharap rahmat Allah serta Hari Kiamat sebagai hari pembalasan.

Akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sepertimana yang dijelaskan dalam ayat 21, Surah Al Ahzab berkenaan menunjukkan betapa pentingnya mencontohi keperibadian Rasulullah lebih-lebih lagi dalam perubahan zaman globalisasi kini yang mana menyaksikan bukan sahaja kekurangan adab bahkan kepincangan dan keruntuhan moral dalam segelintir masyarakat.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Hisyam bin Amir pernah bertanya kepada Saiyidatina Aisyah Radhiallahu 'anha mengenai akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Saiyidatina Aisyah menjawab, *"Akhlak Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah Al-Quran".*

Ini meliputi sifat dan akhlak mulia seperti malu, mulia, berani, menepati janji, ringan tulang, cerdas, ramah, sabar, memuliakan anak yatim, suka tersenyum, jujur, pandai menjaga diri, pemaaf dan berjiwa bersih.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi, Abu Nu'aim meriwayatkan dari Anas Radhiallahu 'anhu berkata : *"Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah termasuk orang yang lemah-lembut. Demi Allah, Baginda tidak menolak ketika hamba lelaki mahupun perempuan atau anak kecil yang memberi air, meskipun pada pagi hari yang sangat dingin, Baginda tetap membasuh muka dan kedua lengannya. Bila ada yang bertanya, Baginda mendekatkan telinganya. Baginda tidak akan menghentikan sebelum orang yang bertanya habis bertanya. Tidak seorang pun menerima huluran tangan Baginda kecuali Baginda yang menghulurkannya terlebih dahulu untuk bersalam dan Baginda tidak akan melepaskannya sebelum orang itu melepaskan tangannya terlebih dahulu".*

Dalam satu sirah yang lainnya, sejarah kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam jelas menjadi bukti bahawa Baginda bukanlah seorang yang bersifat agresif atau bertindak secara melulu apabila Baginda dihina atau ketika menghadapi kesukaran. Sebaliknya, Baginda sentiasa mengambil pendekatan sabar dan tenang dalam apa jua keadaan, malah tidak pernah berdendam kepada musuh-musuhnya.

Begitu juga dalam konteks tarbiah, adab dan akhlak yang baik itu hendaklah dibentuk dan dididik dalam anak-anak sejak kecil lagi sepertimana perumpamaan Melayu mengatakan 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Di sini, ibu bapa selaku pendidik anak-anak yang paling awal memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan didikan, membentuk akhlak dan mencorak tingkah laku dengan menerapkan mereka dengan adab-adab yang baik.

Sekiranya akhlak dan adab yang baik itu tidak dibentuk sejak kecil, dibimbangi mereka akan sudah terbiasa berakhlak dengan tingkah laku yang kurang disenangi apabila sudah dewasa nanti. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Anas bin Malik bahawasanya Rasulullah bersabda yang maksudnya : *"Hormatilah anak-anakmu dan perbaikilah adab-adab mereka".*

Oleh itu, ibu bapa mestilah mempunyai kebijaksanaan dan ketegasan untuk mendidik anak-anak agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan pengaruh-pengaruh yang tidak baik ataupun akhlak-akhlak yang jauh dari ajaran Islam.

Kesimpulannya, sebagai umat Islam hendaklah menyempurnakan adab sesuai dengan akhlak dan ajaran Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Tidak memadai jika kita sebagai umat Islam hanya memuji keindahan akhlak Baginda namun tidak berusaha mengikut jejak langkah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan setiap perbuatan yang berlandaskan adab dan akhlak yang baik, InsyaaAllah seseorang itu akan dapat meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

# PUPUK KERJASAMA DALAM PENYIASATAN FORENSIK DIGITAL




**UNIT Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa sesi bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke Cyber Security Brunei.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 September. - Kepentingan pengumpulan bukti digital bagi menentang amalan anti-persaingan oleh agensi penguatkuasa persaingan menjadi semakin ketara mengambil kira cara perniagaan menyediakan, menyimpan atau mengedarkan maklumat adalah berubah mengikut kemajuan dunia teknologi masa kini.

Dalam usaha untuk memahami proses dan prosedur yang berkaitan dengan pengendalian bukti digital daripada alat digital, Unit Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan lawatan ke Cyber Security Brunei (CSB) di Jalan E-Kerajaan, Gadong, baru-baru ini.

Hadir untuk memberi taklimat tentang CSB, termasuk perkhidmatan yang disediakan oleh Makmal Forensik Digital Kebangsaan di CSB kepada agensi-agensi penguatkuasa, ialah Pengurus Kualiti Makmal CSB.

Lawatan dimulakan dengan pembentangan ringkas mengenai Perintah Persaingan, 2015 diikuti dengan fungsi dan kuasa CCBD di bawah Perintah tersebut.

Dengan mandat untuk mempromosi dan melindungi persaingan dalam pasaran Negara Brunei Darussalam, CCBD melalui penguatkuasaan Perintah Persaingan, 2015 melarang amalan anti-persaingan perniagaan iaitu Perjanjian Anti-Persaingan, Penyalahgunaan Kedudukan Dominan dan Penggabungan Anti-Persaingan.

Larangan Perjanjian Anti-Persaingan atau kartel, yang berkuatkuasa mulai Januari 2020, merujuk kepada perjanjian antara dua atau lebih peniaga untuk berpakat dalam menetapkan harga, berkongsi pasaran, membataskan bekalan atau melakukan penipuan bidaan.

Sebagai badan penguatkuasaan, CCBD mempunyai kuasa menyeluruh untuk menyiasat kes anti-persaingan termasuk kuasa untuk menghendaki maklumat, akses kepada data berkomputer, dan memasuki premis dengan dan tanpa waran.

Ia mengambil kira penggunaan teknologi digital yang semakin berleluasa pada masa kini, perjanjian antara peniaga untuk berpakat mungkin dicapai melalui platform digital, seperti melalui e-mel dan aplikasi pesanan ringkas, dan berkemungkinan boleh didapati dalam bentuk digital dan bukan kertas fizikal.

Sepertimana juga di negara-negara lain, pengumpulan bukti digital adalah penting bagi pihak penguatkuasa persaingan untuk membuktikan kewujudan kartel.

Bukti digital dalam kes kartel boleh didapati dalam pelbagai bentuk, beberapa contoh termasuk e-mel yang mengesahkan penyelarasan harga antara peniaga atau rekod yang menunjukkan komunikasi untuk menipu bidaan dan bersetuju mengenai giliran memenangi bidaan.

Perjanjian berorientasikan digital tersebut memerlukan penyiasatan forensik digital, termasuk perkakas untuk mengakses alat digital dan kepakaran pengendalian data digital, telah dikongsikan oleh Sekretariat Eksekutif CCBD semasa lawatan ke CSB.

Melalui lawatan ini, adalah diharapkan hubungan kerja yang baik antara CCBD dan CSB akan sentiasa terjalin dalam mendukung apa jua kerjasama dan gabungan kerja-kerja penguatkuasaan di masa hadapan.

Lawatan diakhiri dengan lawatan oleh pegawai CSB, di sekitar Makmal Forensik Digital Kebangsaan.




# Memperkasakan masyarakat dalam pemuliharaan persekitaran marin



**PARA Alumni Shell LiveWIRE Brunei dan kakitangan Progresif Sendirian Berhad (Progresif) serta orang ramai yang mengambil bahagian dalam Kempen Kebersihan di Pantai Muara.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Shell LiveWIRE Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 25 September. - Lebih 111 peserta, terdiri daripada Alumni Shell LiveWIRE Brunei dan kakitangan Progresif Sendirian Berhad (Progresif) serta orang ramai mengambil bahagian dalam Kempen Kebersihan di Pantai Muara, baru-baru ini.

Kempen Kebersihan pantai berkenaan adalah salah satu daripada Kempen Adopt-A-Beach Shell LiveWIRE Brunei, bertujuan untuk memperkasakan individu daripada semua peringkat umur untuk mengambil bahagian dalam pemuliharaan persekitaran marin serta komited untuk memastikan kebersihan Pantai Muara selama setahun melalui siri pembersihan pantai suku tahunan.

Kempen Adopt-A-Beach kali ketiga berkenaan adalah usaha bersama antara Shell LiveWIRE Brunei dan Progresif dan kali ini berjaya mengumpul lebih daripada 241 kilogram sampah dan seterusnya dilupuskan dengan sokongan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan dan Persatuan Beach Bunch.

Selain daripada memperkenalkan gaya hidup mampan dan menyemai kesedaran dalam membuang sampah secara bertanggungjawab, inisiatif berkenaan juga dihasrat untuk mendedahkan isu pengurusan sisa yang tidak betul dan meningkatkan kesedaran tentang amalan pengurusan sisa yang betul.

Bagi Progresif, sebagai sebuah syarikat yang komited untuk menjaga kemajuan dalam alam sekitar, mereka tidak pernah melepaskan peluang untuk melaksanakan tanggungjawab sosial mereka.

Di samping tonggak strategik CSR mereka, iaitu pendidikan, seni dan budaya, serta keusahawanan, Progresif telah meneruskan inisiatif alam sekitar sejak tahun 2015 dengan penuh semangat.

Kempen berkenaan turut disertai oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Ke Negara Brunei Darussalam di Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Puan Nur Ezira Mahadi; Pengurus Nilai Dalam Negara, Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Pengerusi Shell LiveWIRE Brunei, Hajah Rosita binti Haji Hassan; Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Hajah Nurul Haniah binti Haji Mohd. Jaafar; dan Ketua Pemasaran & Komunikasi Korporat Dynamik Technologies, Mohamad Faizul Haji Yahya.

Juga hadir pada kempen berkenaan, para pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Shell LiveWIRE Brunei dan Progresif serta pelajar institusi pengajian tinggi.

Shell LiveWIRE Brunei adalah salah satu komitmen Brunei Shell Petroleum ke arah memupuk dan membangunkan kecekapan, keupayaan dan daya saing perniagaan tempatan untuk kemampanan jangka panjang ekonomi sektor swasta Negara Brunei Darussalam.

# NBD Sertai Tokyo Gx Week

**Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga**

**>> Muka 11**

Persidangan tersebut menghimpunkan pengeluar dan pengguna utama gas cecair asli dunia serta kumpulan pemikir (*think-tanks*) bagi mempertingkatkan lagi kerjasama dan memperkukuhkan pasaran global gas cecair asli melalui perbincangan dan perkongsian maklumat, termasuk usaha-usaha utama ke arah mencapai pasaran gas cecair asli yang *resilient* dan mampan.

Forum 2nd ACN akan diadakan secara hibrid, pada 30 September 2022.

Dalam mengiktiraf kepentingan platform industri, akademia bersama kerajaan terhadap penggunaan Carbon Capture, Utilisation, and Storage (CCUS) di seluruh Asia, forum tersebut mengongsikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti, di bawah ACN dari tahun 2021 hingga 2022.

Forum berkenaan juga akan membincangkan dasar, sistem perundangan dan langkah-langkah dukungan bagi mengembangmajukan Carbon Capture, Utilisation and Storage (CCUS), di rantau Asia.

Yang Berhormat Menteri di JPM juga menyampaikan ucapan video bagi 5th HEM dan akan menyampaikan ucapan-ucapan video bagi Persidangan 11th LNGPCC dan Forum 2nd ACN.

Ucapan-ucapan video tersebut boleh diikuti secara dalam talian melalui laman sesawang rasmi mesyuarat dan persidangan masing-masing.




# Interaksi antara ibu bapa, anak penting

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**INTERAKSI** antara ibu bapa dan anak-anak penting terutama ketika dalam proses perkembangan daripada seorang kanak-kanak kepada remaja. Perkembangan itu merupakan fasa peralihan yang memerlukan ibu bapa memberi penerangan dengan lengkap mengenai perubahan yang berlaku dari segi fizikal, mental dan emosi.

Sehubungan itu, musim cuti sekolah adalah peluang terbaik kepada ibu bapa untuk meluangkan masa dan merapatkan lagi hubungan dengan anak-anak.

Inilah masa terbaik untuk berinteraksi dengan anak-anak melalui aktiviti bersama. Bagi mereka yang mempunyai anak-anak lelaki berusia 10 tahun ke atas, sudah tentu inilah masanya untuk anak-anak lelaki mereka berkhatan.

Kesempatan bersama inilah yang harus dijadikan sebagai peluang ibu bapa untuk menerangkan proses peralihan anak-anak mereka daripada seorang kanak-kanak kepada remaja dan pada masa ini juga, ibu bapa harus memberi kata-kata perangsang yang boleh memberi keyakinan kepada mereka untuk berdepan dengan perasaan takut dan sebagainya.

Namun demikian, tidak ramai ibu bapa bersikap terbuka untuk membicarakan tentang perubahan tersebut. Ada yang mengambil sikap sambil lewa sehingga anak mendapatkan penerangan daripada rakan sebaya, malah ada juga yang mencari sendiri di *internet*.

Dalam hal ini, kita perlu mengambil langkah berhati-hati kerana anak-anak boleh terdedah kepada pelbagai maklumat tidak sesuai untuk mereka yang berada pada peringkat umur berkenaan.

Justeru, adalah lebih baik ibu bapa mengambil pendekatan berkomunikasi secara bersemuka dengan anak-anak dalam menerangkan fasa perubahan yang akan mereka lalui sepanjang proses tumbesaran.

Apabila sebuah negara menuju kemajuan, institusi kekeluargaan berkemungkinan menjadi mangsa pertama anak-anak tidak mendapat perhatian dan bimbingan yang secukupnya sekali gus mengakibatkan kemunculan pelbagai gejala sosial yang mempengaruhi remaja kita.

Tindakan media massa yang memaparkan peningkatan gejala sosial berkait rapat dengan keruntuhan institusi keluarga telah menyebabkan semua pihak berasa terkejut lalu telah membentuk pelbagai pendapat dari orang sekeliling. Persoalannya apakah langkah-langkah untuk memastikan keutuhan institusi kekeluargaan di negara kita?

### Cara eratkan hubungan kekeluargaan

'Rumahku, Syurgaku' sering singgah di kuping kita dilihat sangat bererti. Namun, slogan itu hanyalah tinggal slogan kerana masalah dalam hubungan keluarga terus menjadi virus dan paparan di media massa. Contohnya, isu penderaan, perceraian dan gejala sosial hanyalah sebahagian daripada masalah dalam keluarga yang sering menjadi topik perbincangan.

Apabila menyedari hakikat ini, ibu bapa seharusnya mencari jalan untuk menyelamatkan mahligai yang dibina dengan melakukan aktiviti yang sesuai. Persoalannya, apakah aktiviti-aktiviti yang perlu dilakukan keluarga untuk mengeratkan hubungan keluarga?

Antara cara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa dengan anak-anak untuk mengeratkan hubungan keluarga ialah keluarga boleh makan bersama-sama lebih-lebih lagi apabila tibanya musim cuti persekolahan. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa yang sibuk mencari rezeki sering mengabaikan tanggungjawab ini kerana kekangan masa. Oleh itu, mereka akan memberikan wang kepada anak-anak untuk makan di luar sehingga mereka tidak terbiasa untuk makan di rumah. Sebagai contoh, ibu bapa boleh menjadikan waktu malam dan hari cuti sebagai hari wajib untuk berkumpul dan makan bersama-sama. Waktu sebeginilah peluang bagi ibu bapa untuk bertanyakan masalah anak-anak dan memberikan jalan penyelesaian kerana kehidupan remaja sememangnya dipenuhi onak dan duri. Pada masa itu juga, ibu bapa boleh memberikan buah fikiran agar anak-anak mendapat jalan penyelesaian seterusnya menggalakkan komunikasi yang berkesan.

### Aktiviti riadah

Selain itu, keluarga juga boleh melakukan aktiviti riadah pada masa lapang atau semasa cuti persekolahan mahupun cuti awam. Misalnya, ibu bapa boleh membawa anak-anak pergi makan angin dengan melancong dan berkelah ke tempat-tempat menarik ataupun berkhemah sambil menghirup udara segar. Pada masa yang sama kita juga boleh mendidik anak-anak untuk menghargai kehijauan yang terdapat di negara kita. Ibu bapa juga boleh melakukan aktiviti yang menarik seperti membina istana pasir, berkhemah, melakukan barbeku atau meneroka hutan. Pada masa ini, ibu bapa janganlah melakukan kerja pejabat sebaliknya melayan anak-anak bermain-main. Kesannya, anak-anak akan berasa diri mereka dihargai lalu mengelakkan diri melakukan perkara yang boleh memalukan atau menconteng arang ke muka ibu bapa.

Umum mengetahui bahawa terdapat ramai ibu bapa yang terpaksa kerja lebih masa pada hujung minggu sehingga anak-anak terpaksa mencari hiburan dengan rakan-rakan hingga terperangkap dalam kancah gejala sosial. Buktinya, kajian ahli psikologi mendapati bahawa anak-anak yang kurang perhatian dan kasih sayang akan mudah terjebak dengan masalah sosial demi meraih perhatian.

### Didik anak-anak bersikap bantu membantu

Bukan itu sahaja, untuk mewujudkan keluarga bahagia, ahli keluarga boleh bergotong-royong melakukan kerja rumah. Seperti yang kita sedia maklum, ibu bapa kebiasaannya bekerja dan mereka sudah letih apabila pulang ke rumah. Oleh hal yang demikian, anak-anak boleh membantu ibu bapa mengemas rumah seperti menyapu sampah, mengemop lantai dan mengemas ruang tamu. Dalam pada itu, pembahagian kerja antara adik-beradik boleh dilakukan mengikut kesesuaian usia dan tenaga kerana muafakat membawa berkat. Di samping itu, pada hujung minggu, ibu bapa boleh mengajak anak-anak membersihkan kawasan persekitaran seperti menebas rumput dan membersihkan longkang. Implikasinya, langkah ini dapat mengurangkan beban ibu bapa yang telah gigih membanting tulang empat kerat. Semangat bekerjasama dan bertolak ansur juga dapat dipupuk dalam sanubari ahli keluarga. Amalan saling bantu membantu amat penting dalam hubungan kekeluargaan. Amalan bantu membantu yang diamalkan mampu menjamin sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia. Amalan bantu membantu yang dipupuk juga mampu merapatkan hubungan antara adik beradik.

Kesimpulannya, terdapat beberapa langkah yang boleh diamalkan oleh sesebuah keluarga untuk membentuk sebuah keluarga yang harmonis. Sehubungan dengan itu, kita sebagai ahli dalam sesebuah keluarga perlulah mengamalkan langkah-langkah tersebut agar kebahagiaan dalam institusi kekeluargaan terjamin berkekalan. Semoga dengan usaha yang bersepadu ini, impian kudus untuk mewujudkan keluarga yang bahagia dapat direalisasikan dengan jayanya.



## DARI MAHKAMAH

# Suami isteri didakwa terlibat kes dera anak saudara

Oleh: Rohani Haji Abd. Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 September. - Kes membabitkan pasangan suami isteri yang didakwa melakukan penderaan terhadap kanak-kanak iaitu berkaitan dengan kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun akan diperdengarkan lagi pada 10 Oktober ini sementara menunggu siasatan polis dijalankan.

Pihak pendakwaan memaklumkan kepada Majistret Kanan Harnita Zelda Skinner bahawa siasatan lanjut masih dijalankan dan lebih banyak masa diperlukan sebelum meneruskan kes berkenaan.

Kes yang membabitkan pasangan warga tempatan berkenaan didapati menyerang mangsa antara bulan Ogos dan bulan ini, ketika mangsa berada di bawah jagaan mereka.

Pihak pendakwaan juga mendedahkan kepada Majistret Kanan Harnita Zelda Skinner bahawa mangsa merupakan anak saudara defendan.

Pihak pendakwaan seterusnya mendedahkan bahawa antara Ogos dan 17 September, ibu mangsa mengamanahkan pasangan suami isteri itu untuk menjaga mangsa.

Daripada siasatan Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, pendakwaan mendedahkan bahawa pada 16 September, defendan membawa mangsa ke Jabatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan pada keesokan harinya, mangsa disahkan meninggal dunia di hospital, sekali gus membawa kepada penahanan defendan.

Pihak pendakwaan seterusnya memaklumkan kepada mahkamah bahawa punca kematian mangsa masih dalam siasatan.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Kiprawi.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

KANAK-KANAK YANG DIJANGKITI COVID-19

SCAN ME
https://bit.ly/3pmKocp



## Kenali Bahasa Brunei

**Mandangani** bermaksud
1. menemani atau ikut berjaan (berpergian dan sebagainya)
Contoh pemakaian kata : babu kan ka sapitar, kitatah ***mandangani*** karang.
2. menolong membuat sesuatu
Contoh pemakaian kata : bisailah kitani ***mandangani*** bisdia mamanyap, lakas siap sanang ati.

**Mandarasi** bermaksud
1. keterlaluan atau melampau tentang perangai, perbuatan, dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : ditagur, ***mandarasi***tah pulang gauknya anak atu.
2. menjadi deras atau sangat cepat, tentang aliran, gerakan, perbuatan, dan lain-lain.
Contoh pemakaian kata : ***mandarasi*** aing di sungai atu lapas ujan labat di malam.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

## Selera Kampung Kitani

### Kampung Lumapas 'A'



Foto : Azmah Haji Ahad

# Lukan Masak Kari

**BAHAN-BAHAN :**

50 biji lukan
2 biji bawang besar
2 biji bawang merah*
3 ulas bawang putih*
Sebatang kayu manah (kulit kayu manis)
7 biji pelaga
2 biji bunga lawang
Sedikit cengkih
2 batang serai
Sedikit halia
2 sudu serbuk kari
Beberapa helai daun kari
3 biji ubi kentang
Garam
Ajinomoto

**CARA MEMASAK :**

Kisar bahan bertanda * kemudian tumis masukkan daun kari, kayu manah, pelaga, cengkih, dan bunga lawang. Masukkan serbuk kari, tunggu sehingga pecah minyak. Masukkan ubi dan isi lukan. Bubuh garam dan ajinomoto. Akhir sekali masukkan bawang besar yang dipotong empat. Gaul dan tunggu hingga masak, bolehlah dihidangkan.

# MEMPUNYAI INISIATIF YANG LEBIH MAJU KE HADAPAN



**PENERIMA Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Tahun 2020, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (kiri) dan Penerima Anugerah Guru Berjasa Tahun 2021, Awang Haji Md. Daud @ Haji Mokti bin Taha (kanan).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 September. - Peranan guru sebagai seorang pendidik memang sangat besar dalam hal pendidikan anak-anak dan hanya dengan guru yang berkelayakan, guru yang mempunyai kaedah-kaedah yang bersesuaian, yang berminat dalam Bidang Perguruan dan dedikasi akan dapat menjayakan Tema Hari Guru pada tahun ini, iaitu 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Penerima Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Tahun 2020, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa ditemui Pelita Brunei, pada Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Menyentuh mengenai anugerah yang diberikan, Yang Dimuliakan Pehin berkata, ia merupakan satu nilai yang sangat besar dan bermakna kerana selain diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ia juga sebagai pengiktirafan daripada rakan-rakan sekerja, di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Menurutnya lagi, Sambutan Hari Guru bukan saja disambut untuk mengenang jasa-jasa guru, tetapi juga memberikan suntikan semangat kepada mereka yang masih bertugas, agar mereka akan bertugas dengan lebih baik dan mereka merasa dihargai oleh murid-murid serta ibu bapa.

"Saya berharap setiap guru akan sentiasa mempertingkatkan diri dari segi profesional dan kualiti mereka sendiri. Banyak usaha yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan dan saya berharap setiap guru akan mengambil kesempatan untuk memperbaiki diri mereka," ujarnya lagi.

Sementara itu, Penerima Anugerah Guru Berjasa Tahun 2021, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Masnon binti Haji Ibrahim pula melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas anugerah yang diberikan kerana dengan ini ia menunjukkan, bahawa dengan adanya tema yang diberikan tahun ini akan memberikan semangat, mudah-mudahan, seboleh-bolehnya, selagi diperlukan untuk memberikan khidmat kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, menurutnya, dengan tema yang diberikan, para guru sendiri perlu mempunyai inisiatif yang lebih maju lagi ke hadapan dengan era kedudukan ataupun keadaan dunia pada masa ini supaya pendidikan akan lebih meningkat dan berkualiti, pada masa ini dan akan datang.

Tambahnya lagi, dalam memberi kan khidmat untuk kebajikan serta kebaikan serta peningkatan keilmuan kepada pelajar, para guru dan pendidik perlu bertawakal serta menyasarkan diri untuk mendidik anak bangsa.

"Pandangan saya supaya guru yang saya berikan didikan sebelum ini akan memberikan pula pengajaran kepada anak-anak murid mereka dengan lebih berkualiti dan bermakna, walaupun dengan segala rintangan yang dihadapi, semua itu akan tidak menjadikan kita lemah semangat. Bahkan meminta pertolongan sama ada dari rakan-rakan, dan terutama sekali ialah memohon pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala supaya tugas kita akan lebih dimudahkan dan mendapat hasil bukan diri kita, tetapi kepada para pelajar sendiri," katanya lagi.

Manakala, Penerima Anugerah Guru Berjasa Tahun 2021, Awang Haji Md. Daud @ Haji Mokti bin Taha turut berasa sangat gembira atas anugerah yang diberikan kerana khidmat selama ini telah diberi penghargaan.

Dalam pada itu, Awang Haji Md. Daud @ Haji Mokti turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah memberikan anugerah tersebut.

Menyentuh mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para guru pada masa ini, beliau berkata, banyak cabaran yang mereka hadapi, termasuk cabaran untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan, cabaran untuk menyampaikan kepada pelajar-pelajar, bahkan cabaran daripada pelajar-pelajar itu sendiri terhadap guru-guru.

Cabaran dalam tugas yang diberikan kepada guru-guru, jelasnya, boleh dikatakan agak banyak dan kadang-kadang masa tidak mencukupi, di mana akan menjadi beban kepada mereka.

Di samping itu, katanya, cabaran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid, iaitu bagaimana cara untuk mereka memberikan ilmu yang berkesan kepada pelajar.

Bagi Penerima Anugerah Guru Cemerlang Tahun 2021, Dayang Siti Noorani binti Haji Norali pula menjelaskan, maksud Guru Cemerlang ini ialah guru yang memahami maksud pengajaran dan pembelajaran, memahami etika perguruan, prihatin terhadap keperluan dan pencapaian pelajar, di samping itu, tahu menguasai dan menghayati mata pelajaran yang diajarkan serta menjadi bahan atau sumber rujukan pengajaran dan pembelajaran, mempunyai sahsiah yang baik serta berketerampilan.

"Seorang guru haruslah ada dalam diri sikap sabar dan gigih dalam menyampaikan ilmu yang diamanahkan. Hasil usaha, ketekunan dan kegigihan guru tersebutlah serta kerjasama daripada semua pelajar akan dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam pendidikan. Guru dan pelajar hendaklah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran dan penerimaan ilmu pendidikan, dengan adanya kesefahaman antara dua pihak sesuatu pengajaran dan pembelajaran akan tercapai," ujarnya lagi.

Menyentuh mengenai cabaran guru dalam mendidik pelajar, terutama sekali pada situasi pandemik COVID-19, beliau menjelaskan, pada masa wabak tersebut menyelubungi seluruh rakyat di dunia ini, ia bukanlah menjadi penghalang untuk meneruskan kerjaya perguruan dan menerima pembelajaran guru.

Walaupun ada cabaran yang dihadapi, tambahnya, seperti memberikan penerangan isi pelajaran dengan tajuk atau *syllabus* yang telah ditetapkan, dilalui dengan berbagai kesukaran, namun alat-alat komunikasi, media dan ICT dapat membantu menyelesaikan cabaran yang dihadapi, biarpun pada hakikatnya tidak mencapai 100 peratus ilmu yang disampaikan itu tertanam di fikiran dan ingatan pelajar, namun dapat memberi ruang atau jalan menerima dan menyampaikan pengajaran dan pembelajaran.

"Harapan dari saya agar semua pendidik di negara kita ini dapat keutamaan, kemuliaan tempat di sisi para ibu bapa, pelajar dan juga sesiapa saja yang memahami perjuangan kerjaya sebagai pendidik," jelasnya lagi.

Beliau seterusnya menyarankan kepada yang berkenaan agar memberikan peluang kepada guru / pendidik untuk menyampaikan khidmat baktinya sebagai pendidik tanpa ada campur tangan pihak ketiga yang akan menyekat usaha guru ke arah menyampaikan ilmu dan mendidik anak bangsa.

"Alhamdulillah, saya berasa amat bersyukur di atas rahmat yang diberikan oleh Allah dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda menganugerahkan Guru Cemerlang ini. Walaupun pada hakikatnya tidak terfikir akan sampai ke arah ini, namun berkat ketekunan, usaha seorang guru pasti ada hikmah di sebaliknya," ujarnya lagi.



**PENERIMA Anugerah Guru Berjasa Tahun 2021, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Masnon binti Haji Ibrahim (kiri sekali) dan Penerima Anugerah Guru Cemerlang Tahun 2021, Dayang Siti Noorani binti Haji Norali (kiri).**

# PUISI

## Ku Kenang Jasa Mu Para Guru

Bismillah ditulis pembuka kata
Asal bermula sekerat nota
Untuk dikenang jua dirista
Bakti guru sumber pelita.

Guru berjasa mencurah ilmu
Mereka seperti seorang *umu*
Mendidik kami tiada jemu
Tanpa guru siapalah kamu.

Guru penyinar dalam kegelapan
Mendidik kami bersifat sopan
Supaya berjaya di masa hadapan
Kehidupan terjamin lagi mapan.

Kau pahlawan banyak berjasa
Setulus berbakti setiap masa
Mengajar kami budi bahasa
Mencurah hati kepada bangsa.

Tugas guru memang mencabar
Mereka insan bersifat sabar
Walau pengajar sehari *selambar*
Ilmu dicurah menjadi iktibar.

Guru sumber cahaya pelita
Lebih bernilai dari harta
Tiada bandingan *usin* berjuta
Tanpa ilmu dunia gempita.

Jasa guru tiada terbilang
Bakti mereka harus dijulang
Mengajar murid pandai membilang
Anak didik mu banyak cemerlang.

Kepada guru mestilah hormat
Mereka berjasa menabur khidmat
Ilmu dicurah laksana azimat
Semoga mereka dikurniakan rahmat.

*Kitani* diajar mengenal angka
Sentiasa hormati berbaik sangka
Kepada guru jangan durhaka
Nanti mengundang mala petaka.

Jasa mu guru tetap ku kenang
Tugas mu mendidik bukannya senang
Mengingat jasa mu mata berlinang
Yang telah pergi semoga tenang.

Guru seperti intan baiduri
Tetap bersinar bercahaya jauhari
Di sini saja ku memohon diri
Mohon keampunan sepuluh jari.

*#umu* - Ibu

**Nadi©**
**Kampung Tagap**
**Selayun**

BERITA GLOBAL

# ARAB SAUDI LANCAR PLATFORM DIGITAL BAHARU UNTUK MUDAHKAN JEMAAH DARI SELURUH DUNIA

**RIYADH,** 27 Sept - Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi (MOHU) pada Isnin melancarkan platform digital baharu yang dipanggil "Nusuk.sa" bagi memudahkan prosedur ketibaan jemaah umrah dari seluruh dunia ke Makkah dan Madinah.

Dalam satu kenyataan menerusi Twitter rasminya pada Isnin, kementerian itu berkata platform berkenaan adalah sebahagian daripada inisiatif program perkhidmatan Haji dan Umrah yang dibangunkan oleh negara itu sebagai salah satu program dalam Wawasan 2030 Arab Saudi.

Platform yang dilancarkan dengan kerjasama pihak berkuasa pelancongan Arab Saudi itu bermatlamat menawarkan pengalaman yang lebih baik mengenai budaya negara itu kepada jemaah, selain memudahkan proses tempahan dan membantu mereka daripada segi komunikasi, menurut kenyataan itu.

Platform itu adalah tambahan kepada pelbagai perkhidmatan lain yang bakal disediakan oleh kerajaan Arab Saudi pada masa hadapan, termasuk peta interaktif, kalendar khas untuk acara dan aktiviti, panduan digital untuk semua arahan dalam beberapa bahasa, serta maklumat kesihatan dan perkhidmatan.

Platform digital "Maqam" akan terus beroperasi pada masa ini bagi membolehkan jemaah asing membuat tempahan umrah dan mendapatkan visa secara dalam talian, sehingga Nusuk.sa diaktifkan sepenuhnya.

Sementara itu, Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi Dr Tawfiq bin Fawzan Al Rabiah berkata platform Nusuk.sa adalah lanjutan daripada usaha berterusan kerajaan Arab Saudi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatannya kepada jemaah umrah dan haji dari seluruh dunia.

Beliau menyuarakan keyakinan bahawa platform yang disediakan untuk jemaah menggunakan teknologi terkini akan memudahkan prosedur bagi membolehkan mereka menunaikan ibadah dengan mudah dan selesa. - ©BERNAMA

# Kanser kekal penyebab utama kematian 2021 di Korea Selatan

**SEOUL**, 27 Sept. - Kanser kekal sebagai penyebab utama kematian di Korea Selatan pada 2021 di sebalik penularan wabak COVID-19 masih berterusan, menurut data pejabat statistik pada Selasa.

Kanser mencatatkan 161.1 kematian bagi setiap 100,000 orang di negara itu pada 2021, meningkat 0.6 peratus daripada tahun sebelumnya, menurut Statistik Korea. Ia masih yang tertinggi sejak data berkaitan mula dikumpul pada 1983, lapor Xinhua.

Antara kematian yang disebabkan oleh kanser, kematian akibat kanser paru-paru adalah yang tertinggi dengan 36.8 kematian bagi setiap 100,000 orang, diikuti oleh kanser hati dengan 20.0, kanser usus dengan 17.5, kanser gastrik dengan 14.1, dan kanser pankreas dengan masing-masing 13.5.

Punca kematian kedua tertinggi ialah kegagalan jantung, dengan 61.5 kematian bagi setiap 100,000 orang pada 2021. Sementara radang paru-paru merupakan penyebab kematian ketiga tertinggi dengan kadar kematian 44.4 bagi setiap 100,000.

Tiga punca utama kematian itu menyumbang 43.1 peratus daripada jumlah kematian tahun lepas. Ia turun 1.8 mata peratusan daripada tahun sebelumnya.

Dalam senarai 10 teratas punca kematian ialah penyakit serebrovaskular dengan 44.0 kematian bagi setiap 100,000 orang, diabetes dengan 17.5, penyakit Alzheimer dengan 15.6, penyakit hati dengan 13.9, keracunan darah dengan 12.5, dan gangguan hipertensi dengan 12.1.

Bunuh diri menduduki tempat kelima dengan kadar 26.0 kematian bagi setiap 100,000 orang pada 2021. Ia meningkat berbanding 25.7 yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Tahun lepas, bunuh diri menjadi punca utama kematian dalam kalangan remaja dan mereka yang berumur 20-an dan 30-an. - ©BERNAMA

# Ujian selamatkan bumi, NASA hempaskan kapal angkasa ke asteroid pada Isnin

**HOUSTON (Amerika Syarikat)**, 26 Sept. - NASA akan sengaja "menghempaskan" sebuah kapal angkasa ke asteroid pada 7.14 malam waktu tempatan (1214GMT) pada Isnin, dalam misi pertama seumpamanya untuk melindungi Bumi.

Projek yang dikenali Ujian Pengalihan Asteroid Berganda (DART) itu, dengan sengaja akan menjatuhkan kapal angkasa tersebut untuk melihat sama ada tindakan pemesongan itu mampu menghalang potensi asteroid daripada memusnahkan planet.

"Ia usaha yang sangat rumit. Apa yang kami mahu lakukan ialah menggunakan sebanyak mungkin tenaga daripada DART untuk menggerakkan asteroid," kata ahli astronomi Alan Fitzsimmons, ahli pasukan penyiasat NASA Dart, dalam temu bual, lapor Agensi Anadolu (AA).

Misi DART dilancarkan November lepas dari Pangkalan Angkatan Angkasa Vandenberg di California.

Pada Isnin, para pengawal misi akan menetapkan kapal angkasa terbabit untuk mengemudi sendiri di angkasa lepas pada jarak 6.5 juta batu (10.5 juta kilometer) dari Bumi. Kamera khas dari kapal angkasa akan merakam perlanggaran kosmik yang tidak pernah dilihat sebelum ini.

"DART mengubah fiksyen sains menjadi fakta sains, dan merupakan bukti proaktif dan inovasi NASA untuk manfaat semua.

"Ujian ini akan membantu membuktikan kaedah yang berdaya maju bagi melindungi planet kita daripada asteroid berbahaya sekiranya ia dikesan menuju ke Bumi," kata Pentadbir NASA Bill Nelson dalam satu kenyataan.

Matlamat utama NASA adalah untuk melihat sama ada ia boleh memesongkan laluan asteroid secara manual daripada kemungkinan berlanggar dengan bumi.

"Jika kita berusaha, kita sebenarnya boleh mencegahnya. Itu berbeza dengan kebanyakan bencana alam berskala besar yang lain," kata ketua saintis di Planetary Society, Bruce Betts, dalam satu temu bual.

Kapal angkasa DART akan menyasarkan batu angkasa gergasi (diameter 525 kaki/160 m) yang dipanggil Dimorphos pada kelajuan 15,000 bt sejam (24,140 km sejam). Matlamat NASA bukan untuk melenyapkan asteroid, namun mahu melihat sama ada perlanggaran itu boleh mengubah orbit batu angkasa.

Menurut agensi angkasa AS, belum ada asteroid lebih besar daripada 450 kaki (137 m) melintang dikenal pasti mempunyai peluang besar untuk menghentam planet ini dalam tempoh 100 tahun akan datang.

Oleh itu, walaupun misi DART gagal, saintis akan memperoleh maklumat penting daripada eksperimen ini yang boleh melindungi bumi suatu hari nanti.

"Jika ia tidak mengena sasaran, kita masih dapat kumpul data. Itu sebab kami buat ujian ini. Kami mahu melakukannya sekarang dan bukannya menunggu sehingga wujud keperluan sebenar," kata Andrea Riley dari Pejabat Penyelarasan Pertahanan Planet NASA pada sidang akhbar. - ©BERNAMA

# ASEAN dijangka dahului pertumbuhan eksport dunia lima tahun akan datang

**BANGKOK**, 26 Sept. - ASEAN baru-baru ini mendapat perhatian daripada Atlas Pertumbuhan Perdagangan Global 2022 kerana dijangka menerajui pertumbuhan eksport dunia dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menurut Agensi Berita Vietnam (VNA), laporan oleh DHL Express itu menunjukkan apabila dinilai berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, kepesatan ekonomi dijangka menjana 45 peratus daripada jumlah mutlak pertumbuhan perdagangan global antara 2021 dan 2026.

"Berita baik, terutamanya untuk Asia, ASEAN, dan Thailand ialah Asia Tenggara dan Asia Selatan menunjukkan prestasi yang sangat baik. Mereka menunjukkan pencapaian sangat baik dalam kepesatan pertumbuhan serta skala saiz ekonomi dan perdagangan.

"Kepesatan ialah tahap dan kepantasan mereka berkembang, dan saya boleh menyatakan bahawa Filipina, Malaysia, India, Vietnam, dan menurut saya, Thailand, berkembang hebat dalam skala yang besar," kata Ketua Pegawai Eksekutif DHL Express, John Pearson.

Menyentuh mengenai prestasi cemerlang dalam laporan itu, Pearson berkata lazimnya beliau tidak memilih pemenang atau menyatakan siapa yang lebih baik atau sebaliknya.

Beliau berkata laporan itu semata-mata berdasarkan fakta.

Vietnam, bagaimanapun, adalah antara pemenangnya. Semua negara ini berada pada keluk eksport dan pertumbuhan berbeza dan prestasi Vietnam sangat kukuh. - ©BERNAMA

# Pemimpin sayap kanan Giorgia Meloni dahului pilihan raya Itali

**ROM / ANKARA**, 26 Sept. - Keputusan awal pilihan raya umum Itali menyaksikan pemimpin sayap kanan Itali, Giorgia Meloni mendahului dengan memperoleh 26.39 peratus undi, lapor Agensi Anadolu.

Dalam ucapan sulungya selepas pengundian, Meloni berkata rakyat Itali telah menghantar "isyarat yang sangat jelas bahawa mereka mahukan Brothers of Italy (FdI)."

"Di saat anda mahu menjadi sebahagian daripada sejarah, anda perlu memahami tanggungjawab terhadap berjuta-juta orang, Itali telah memilih kami dan kami tidak akan mengkhianatinya," katanya.

FdI dijangka memenangi pilihan raya selepas mendahului dengan 26.39 peratus, memetik keputusan awal dikeluarkan Agensi Berita Itali (ANSA).

Dalam pilihan raya 2018, Meloni sekadar memperoleh empat peratus undi .

Meloni bakal menjadi perdana menteri wanita pertama Itali, dan pemimpin sayap kanan pertama menerajui negara itu sejak Perang Dunia II.

Pilihan raya awal diadakan selepas Presiden Sergio Mattarella membubarkan Parlimen pada Julai dan meminta agar pilihan raya diadakan pada 25 Sept, sekali gus menandakan kerajaan pimpinan Perdana Menteri Mario Draghi hanya mampu bertahan setahun setengah.

Hampir 51 juta orang layak mengundi dalam pilihan raya itu, manakala lebih empat juta rakyat Itali yang tinggal di luar negara tidak ketinggalan menunaikan tanggungjawab mereka.

Dengan kadar populasi 59 juta, 51 peratus rakyatnya terdiri golongan wanita.

Buat kali pertama dalam sejarah Itali, pilihan raya kali ini menyaksikan pengundi berusia 18 tahun ke atas berpeluang mengundi. - ©BERNAMA

# Menteri Kewangan Pakistan letak jawatan

**NEW DELHI**, 26 Sept. - Miftah Ismail yang sebelum ini dilantik sebagai Menteri Kewangan di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri Pakistan Shehbaz Sharif, mengumumkan peletakkan jawatannya.

"Saya telah meletak jawatan secara lisan sebagai menteri kewangan. Saya akan mengemukakan surat peletakan jawatan secara rasmi apabila tiba di Pakistan.

"Satu penghormatan untuk berkhidmat sebanyak dua kali sebagai menteri kewangan," kata Miftah menerusi Twitter pada malam Ahad.

Ahli perniagaan berusia 57 tahun itu sebelum ini mengetuai Kementerian Kewangan pada 2018.

Miftah membuat pengumuman itu selepas beliau dan Shehbaz mengadakan pertemuan dengan bekas perdana menteri Nawaz Sharif yang juga ketua Liga Muslim Pakistan-Nawaz (PML-N) di Britain.

Nawaz, abang Shehbaz, tinggal di London sejak November 2019 untuk menjalani rawatan perubatan di luar negara.

Kerajaan campuran pimpinan Shehbaz yang baharu berusia lima bulan, sedang berdepan beberapa masalah ekonomi, termasuk kadar inflasi yang meningkat, rizab pertukaran asing semakin berkurangan, dan membina semula infrastruktur yang musnah akibat banjir baru-baru ini. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

ePaper Pelita Brunei




# Kontinjen NBD selamat kembali ke tanah air




**KONTINJEN Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Urus Setia, pasukan Renang dan Pencak Silat pulang ke tanah air kelmarin selepas menyertai kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022, di Kuala Lumpur, Malaysia pada sesi bergambar ramai bersama Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BERAKAS**, Isnin, 26 September. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Urus Setia, pasukan Renang dan Pencak Silat pulang ke tanah air kelmarin selepas menyertai kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022, di Kuala Lumpur, Malaysia.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara, seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Hadir sama, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly serta Pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan.

Atlet Sukan Renang negara, Joel Ling Thai Yu berjaya memenangi pingat perak bagi acara 200 meter Back Stroke Lelaki, dengan catatan masa 2:12.91 saat, sekali gus memperbaiki rekod peribadi beliau sebelum ini dengan catatan masa 2:14.68 saat.

Sementara Awang Md. Izzamuddin bin Taha meraih pingat gangsa buat negara bagi acara Pencak Silat dalam Kategori Tanding Lelaki Kelas 'A'.

Kontinjen negara diketuai oleh Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke SUKMA XX MSN 2022, Malaysia.

Semasa ditemui media, Joel Ling Thai Yu berkata, saingan yang dihadapi pada kejohanan berkenaan adalah sengit, di mana kesemua peserta yang bersaing dalam acara itu merupakan atlet berpengalaman.

"Perancangan saya adalah untuk menyertai lebih banyak pertandingan bagi mewakili Negara Brunei Darussalam dan berharap akan mendapatkan lagi pingat serta mengharumkan nama negara," katanya.

Sementara itu, Awang Md. Izzamuddin berkata, beliau tewas kepada atlet dari Negeri Kedah yang sebelum ini pernah memenangi pingat perak di kejohanan bertaraf dunia.

"Saya merancang untuk meneruskan latihan dengan bersungguh-sungguh dan berharap akan dapat mewakili negara ke kejohanan sukan seterusnya, seperti Sukan SEA dan kejohanan bertaraf dunia," katanya.

Edisi SUKMA kali ini, kontinjen negara menyertai sebanyak lima acara sukan, iaitu Akuatik (Renang); Karate; Petanque; Pencak Silat; dan Wushu.

# PENDAFTARAN WHG2022 KINI DIBUKAKAN

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



**PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais semasa mengongsikan perihal Walkathon sempena Hari Guru Ke-32, Tahun 2022 pada Sidang Media tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, baju eksklusif bagi acara walkaton berkenaan dengan harga yang berpatutan.**

**LAMBAK KANAN**, Selasa, 27 September. - Acara kemuncak bagi memeriahkan Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022 ialah Walkathon Hari Guru (WHG2022) yang akan diadakan pada 23 Oktober bertempat di ibu negara, dan pendaftaran kini dibukakan hingga 2 Oktober ini.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Acara Walkathon sempena Hari Guru Ke-32, Tahun 2022 dan juga Pengerusi Jawatankuasa Acara-acara Sukan sempena Sambutan Hari Guru Kali Ke-32, semasa Sidang Media bagi membarigakan WHG2022 bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), di sini.

Orang ramai terutamanya warga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) adalah dialu-alukan untuk menyertai acara berkenaan dengan mengisi borang pendaftaran yang boleh diperolehi dari ibu pejabat dan cawangan-cawangan JPKK, atau dimuat turun melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan *www.moe.gov.bn*, atau melalui pautan *https://bit.ly/WHG2022*.

Setiap penyertaan akan menerima baju eksklusif sempena WHG2022 yang tersedia dalam jenis *round neck* dan polo berlengan pendek dan panjang dengan pilihan terbaharu, iaitu baju potongan muslimah berharga antara BND14 hingga BND21.

Antara lain tujuan WHG2022 diadakan ialah bagi mengeratkan serta mengukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan dan KHEU, selain untuk mendukung dan menyokong hasrat negara ke arah gaya cara hidup sihat, serta peluang beriadah sambil beramal dengan hasil pembelian setiap baju walkaton akan didermakan kepada NGO yang terpilih.

Walkaton sejauh tiga kilometer berkenaan akan bermula pada jam 7.00 pagi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, dan akan disertai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Borang yang lengkap berserta pembayaran hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat JPKK, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Berakas dari jam 9.00 pagi hingga 3.30 petang, kecuali Jumaat akan ditutup antara 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Manakala, di cawangan-cawangan JPKK pula ialah pada hari-hari bekerja dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Penyerahan dan pengagihan baju peserta pula akan dilaksanakan pada 18 Oktober hingga 20 Oktober 2022 bermula jam 9.00 pagi hingga 3.30 petang di Daerah Brunei dan Muara (ibu pejabat), manakala di cawangan Daerah Belait, Tutong dan Temburong pada jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang pada waktu bekerja.

Untuk maklumat lanjut dan terkini, layari akaun media sosial JPKK di Instagram *@infodcce.bn*, Facebook *Department of Co-Curricular Education* atau hubungi talian +673 233 3041, +673 233 3043 atau +673 233 3053.